

**KAJIAN MENGENAI FAKTOR KETERIKATAN TEMPAT DALAM  
MEMPENGARUHI PENGLIBATAN KOMUNITI DI PUSAT PELANCONGAN  
BUKIT JUGRA, SELANGOR**

**NUR AISYAH AZMA BINTI AZELAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI FAKTOR KETERIKATAN TEMPAT DALAM  
MEMPENGARUHI PENGLIBATAN KOMUNITI DI PUSAT  
PELANCONGAN BUKIT JUGRA, SELANGOR**

Oleh

**NUR AISYAH AZMA BINTI AZELAN**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:



Tandatangan

Nama: Nur Aisyah Azma Binti Azelan

Tarikh: 21/2/2023

Tandatangan Penyelia

Nama: Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi kerana dengan izin dan kurniaan darinya dapat juga pengkaji menyiapkan Projek Penyelidikan I ini dengan jayanya. Berkat kesabaran dan juga usaha pengkaji ternyata membuahkan hasil apabila Projek Penyelidikan I ini dapat pengkaji siapkan tepat pada waktunya.

Pertama sekali, pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri, selaku penyelia bagi Projek Penyelidikan I ini yang banyak membantu dan memberikan dorongan yang tidak putus sepanjang pengkaji menyiapkan Projek Penyelidikan I ini. Segala penat lelah dan juga tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Tuhan dapat melimpahkan keberkatan kepada beliau. Pengkaji juga amat bersyukur kerana dapat menyiapkan tugas Projek Penyelidikan I ini dalam tempoh yang telah diberikan. Tiada kata-kata yang dapat pengkaji gambarkan betapa rasa terhutang budi kepada individu yang telah terlibat secara langsung atau juga secara tidak langsung bagi menjayakan penghasilan Projek Penyelidikan I ini sama ada dari segi bantuan, tunjuk ajar dan juga dorongan mereka yang telah membolehkan pengkaji menyiapkan Projek Penyelidikan I ini dengan jaya dan baik.

Akhir kata dari pengkaji, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan juga ibu bapa di atas segala bantuan, sokongan, toleransi dan juga doa dari kalian ketika pengkaji sedang menghadapi kesulitan dalam menjalankan Projek Penyelidikan I ini.

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA PAI	vii
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Permasalahan kajian	4
1.3 Persoalan kajian	5
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Skop kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	9
1.7 Penutup	11
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Sejarah Bukit Jugra	13
2.1.1 Definisi pelancongan	17

2.1.2 Pelancongan warisan	18
2.1.3 Pelancongan di Malaysia	20
2.1.4 Komuniti di Bukit Jugra, Selangor	21
2.1.5 Potensi ekonomi pelancongan di Bukit Jugra Selangor	22
2.2 Kerangka teori	24
2.3 Penutup	25
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	26
3.1 Pendekatan kajian	27
3.2 Rekabentuk kajian	27
3.3 Kaedah kajian	28
3.3.1 Kaedah kualitatif	28
3.3.2 Kaedah kuantitatif	29
3.4 Teknik pengumpulan data	29
3.4.1 Data primer	30
3.4.2 Data sekunder	32
3.5 Persampelan kajian	33
3.6 Instrumen kajian	35
3.7 Analisis data	36
3.8 Penutup	39

<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	40
4.1 Aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal	40
4.1.1 Kegiatan yang dilakukan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor	42
4.1.2 Tarikan untuk datang ke Bukit Jugra, Selangor	45
4.2 Kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.	48
4.2.1 Aktiviti yang dilakukan di Bukit Jugra, Selangor	49
4.2.2 Perasaan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor	52
4.3 Data demografi responden	53
4.3.1 Kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.	58
4.3.2 Cabaran terhadap keterikatan tempat di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor	78
4.4 Penutup	95
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	96
5.1 Perbincangan	96
5.2 Rumusan	98
5.3 Cadangan	99
5.4 Penutup	100

RUJUKAN	101
APPENDIX 1	109
APPENDIX 2	110
APPENDIX 3	111
APPENDIX 4	116
APPENDIX 5	121
APPENDIX 6	134



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
1.1	Pelan Persempadanan Mukim, Daerah Kuala Langat	6
1.2	Bangunan Bersejarah di Bukit Jugra, Selangor	8
1.3	Contoh pandangan sekitar Bukit Jugra, Selangor	9
2.1	Asas Keterikatan Komuniti (Tuan 1977 & Mooney 2009)	24
3.1	Proses Analisis Tematik	37
4.1	Laluan mendaki Bukit Jugra melalui jalan hutan	44
4.2	Pemandangan di atas Bukit Jugra	44
4.3	Papan tulisan Jugra	45
4.4	Pemandangan orang menaiki paragliding	46
4.5	Tinggalan pejabat daerah lama	48
4.6	Gambar di kawasan rumah api	50
4.7	Gambar di hadapan pangkalan TUDM	51
4.8	Gambar anjing di kawasan jalan menaiki Bukit Jugra	53

## SENARAI JADUAL

NO		HALAMAN
3.1	Jadual Krejcie & Morgan 1970	34
3.2	Jadual Skala Likert	54
4.1	Taburan Responden Mengikut Negeri	54
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	55
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	55

4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	55
4.5	Taburan Responden Mengikut Status	56
4.6	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	56
4.7	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	57

### SENARAI CARTA PAI

NO		HALAMAN
4.1	Di Bukit Jugra mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai Rumah Api.	58
4.2	Di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit.	59
4.3	. Di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra.	60
4.4	Di atas Bukit Jugra juga terdapat sebuah tempat latihan untuk tentera pasukan khas TUDM.	62
4.5	Di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama.	63
4.6	Di Bukit Jugra juga terdapat aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara.	65
4.7	Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal.	66

4.8	Di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan.	67
4.9	Aktiviti berkelah juga ada dilakukan di kawasan di atas bukit sambil menikmati pemandangan.	69
4.10	Di Bukit Jugra juga boleh dilakukan aktiviti drift trike bagi yang suka melakukan aktiviti yang mencabar.	70
4.11	Di Bukit Jugra ini banyak memberikan kenangan untuk saya dan rakanrakan ketika di zaman kanak-kanak.	71
4.12	Di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bermain ketika di zaman kanak-kanak.	72
4.13	Warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat.	74
4.14	Elemen warisan yang ada di sekitar Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan.	75
4.15	Segala tinggalan warisan terdahulu yang ada di Bukit Jugra mempunyai nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun.	76
4.16	Bukit Jugra ini banyak memberikan makna yang tersendiri kepada diri saya kerana ia merupakan tempat dimana saya dibesarkan dan juga mempunyai kenangan yang pahit dan juga manis.	77
4.17	Di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat membantu memberikan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra.	78

- 4.18 Dengan adanya sistem pengurusan dari Majlis Perbandaran Kuala Langat memberikan kesan kepada peniaga kiosk yang menjual sekitar kaki Bukit Jugra. 79
- 4.19 Sumber pendapatan bagi penduduk di sekitar Bukit Jugra terjejas akibat sistem pengurusan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat. 80
- 4.20 Penduduk tempatan dapat menambah pendapatan mereka disebabkan pelancong yang datang memerlukan pemandu pelancong yang sudah mahir mengenai Bukit Jugra. 81
- 4.21 Berlaku kecurian tinggalkan warisan yang ada di Bukit Jugra yang dilakukan oleh penduduk atau juga orang tidak bertanggungjawab. 82
- 4.22 Berlaku vandalisme yang dilakukan oleh penduduk atau pelancong yang datang ke Bukit Jugra iaitu dengan membuang sampah merata-rata. 83
- 4.23 Berlaku kerosakan terhadap kemudahan fasiliti yang telah disediakan seperti tandas awam yang ada di kaki Bukit Jugra iaitu kemudahan di tandas yang dirosakkan atau juga dining tandas yang discontent oleh orang yang tidak bertanggungjawab. 84
- 4.24 Kerosakan yang berlaku di laluan hutan atau juga laluan tar yang telah disediakan akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab. 85

- 4.25 Kebanyakan kemudahan awam seperti tempat duduk pengunjung dan tiang papan tanda telah diconteng dan cat dikikis terutamanya di kawasan Bukit Jugra. 86
- 4.26 Pengaruh penggunaan bahasa yang berlainan digunakan oleh penduduk setempat dengan pelancong yang datang ketika berkomunikasi. 87
- 4.27 Pagar di sekeliling bangunan Pejabat Lama Daerah Kuala Langat telah rosak mungkin disebabkan oleh binatang liar ataupun pengunjung yang tidak bertanggungjawab. 88
- 4.28 Tiada kemudahan khusus yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat di kaki Bukit Jugra seperti kemudahan surau dan tandas awam yang elok dan bersih. 89
- 4.29 Di Bukit Jugra juga tidak disediakan tempat khusus untuk meletakkan kenderaan. 90
- 4.30 Terdapat banyak monyet dan juga anjing yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan yang agak mengganggu ketenteraman pelancong yang datang. 91
- 4.31 Terdapat banyak juga monyet yang agresif sepanjang perjalanan menaiki Bukit Jugra yang akan mengganggu pengunjung yang datang dengan membawa makanan. 93
- 4.32 Kawasan persekitaran Bukit Jugra tidak diselenggara dengan baik, didapati banyak sampah berselerakan di merata tempat 94

**Kajian mengenai faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor. Bukit Jugra memiliki aset warisan sejarah dan juga alam semula jadi yang mana ianya terdiri daripada tapak arkeologi, monumen, bangunan warisan dan alam semula jadi fizikal yang berbukit bukau. Bagi pengemar yang meminati sejarah dan juga aktiviti lasak akan terpenggil untuk datang ke Bukit Jugra, Selangor. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira dalam mengangkat Bukit Jugra ini sebagai pusat pelancongan seperti faktor keterikatan tempat. Keterikatan tempat mementingkan unsur-unsur instrinsik di dalam diri manusia terhadap aspek fizikal sesuatu tempat dan aktiviti sosial yang dilakukan disitu yang mempunyai makna seterusnya dapat membentuk identity terhadap Bukit Jugra. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada aspek fizikal, sosial dan sejarah Bukit Juga dalam mempengaruhi penglibatan komuniti dan juga cabarannya. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan temu bual dan pemerhatian di lokasi kajian manakala kaedah kuantitatif pula melibatkan penggunaan borang soal selidik. Penentuan sampel adalah menggunakan jadual Krejcie Morgan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Bukit Jugra, Selangor berpotensi sebagai pusat pelancongan lestari sekiranya aspek keterikatan tempat ini dititikberatkan dalam pembangunan pelancongan.

**Kata Kunci:** bukit Jugra, pelancongan, penglibatan komuniti, keterikatan tempat.

**A Study on the Factors of Place Attachment in Influencing Community  
Involvement In Bukit Jugra Tourist Center, Selangor**

**ABSTRACT**

This study aims to find out the factors of place attachment in influencing community involvement in Bukit Jugra, Selangor. Bukit Jugra has historical and natural heritage assets which consist of archaeological sites, monuments, heritage buildings and hilly physical nature. Fans who are interested in history and also extreme activities will be called to come to Bukit Jugra, Selangor. However, several aspects need to be taken into account in elevating Bukit Jugra as a tourist centre such as the place attachment factor. The nature of the place is concerned with the intrinsic elements in human beings towards the physical aspects of a place and the social activities carried out there which have meaning and can further form an identity towards Bukit Jugra. Therefore, this study is focused on the physical, social and historical aspects of Bukit Jugra in influencing community involvement and also its challenges. This study uses a mixed method which is qualitative and quantitative. Qualitative methods involve interviews and observations at the study location while quantitative methods involve the use of questionnaires. Sample determination is using Krejcie Morgan's table. The results of the study show that Bukit Jugra, Selangor has the potential to be a sustainable tourism centre if the attachment aspect of this place is emphasized in tourism development.

**Keywords:** Jugra hill, tourism, community involvement, place attachment.

## BAB SATU

### 1.0 Pengenalan

Keterikatan bagi suatu tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti tidak akan dapat difahami tanpa mengambil kira tiga komponen utama bagi suatu tempat tersebut iaitu yang berkaitan dengan ciri atau bentuk fizikal, aktiviti, fungsi serta makna atau juga simbol (Relph, 1976). Ini juga menjelaskan bahawa bagi suatu tempat itu ia terdiri daripada bentuk fizikal, aktiviti dan juga mempunyai makna tersendiri. Keterikatan itu bermaksud perihal yang berkait atau juga keadaan yang terikat antara satu sama yang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat). Keterikatan di dalam kajian ini bermaksud hubungan akan keberkesanan fizikal dan juga fungsi serta hubungan antara suatu komuniti Di Bukit Jugra ini. Keterikatan bagi suatu tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti juga berkait rapat dengan aspek pelancongan, itu kerana di Bukit Jugra terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan dan terdapat muzium yang boleh dilawati.

Di Malaysia juga, terdapat berbagai jenis keunikan warisan yang tersendiri sehinggakan ianya kini masih lagi dalam mendapatkan kunjungan daripada pelancong dari luar. Ianya adalah kerana, Malaysia juga merupakan salah satu negara yang sering juga menjadi tarikan kepada pelancong untuk datang agar mereka dapat menikmati keindahan warisan yang ada di Malaysia (Yusoff et al., 2013). Bukit Jugra ini juga boleh dikaitkan dengan aktiviti berkaitan pelancongan. Tambahan pula, warisan juga dikenal sebagai warisan yang semula jadi, warisan budaya, warisan tokoh hidup dan juga warisan bawah air (Saleh et al., 2011). Warisan mempunyai dua jenis, warisan ketara dan juga tidak ketara. Kedua elemen ini amatlah penting bagi negara kita yang



kini sedang dalam fasa pembangunan untuk menghadapi persaingan dalam pembangunan negara terutama dalam sektor industri pelancongan (Yusoff et al., 2013). Warisan juga mempunyai hubung dengan peristiwa silam dimana ia menjadikan sesebuah tempat itu kaya dengan elemen warisan yang ada sehingga ianya mempunyai potensi untuk menjadi tumpuan masyarakat atau pelancong pada generasi akan datang datang ke tempat warisan tersebut (Noorjannah Adam & Adnan Jusoh, 2018). Antara aktiviti pelancongan yang boleh dilakukan di Bukit Jugra, Selangor ini adalah dapat melakukan aktiviti yang ekstrem iaitu mendaki Bukit Jugra dan juga dapat melakukan aktiviti menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik dari atas udara.

Selain dapat melakukan aktiviti beriadah, di sekitar kawasan Bukit Jugra ini mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu antara nya Bukit Jugra Lighthouse atau Rumah Api yang terletak di atas bukit iaitu 100 meter arah barat daya, selain rumah api Bukit Jugra ini juga terkenal dengan Bukit Jugra Viewpoint iaitu pemandangan yang indah dari atas Bukit Jugra. Selain itu juga, keterikatan Bukit Jugra dengan penglibatan komuniti di kawasan ini berkait kerana di kawasan kaki bawah Bukit Jugra terdapat gerai-gerai jual yang menjual makanan serta minuman kepada pelawat yang datang dan perkara ini dapat membantu ekonomi pendapatan isi rumah komuniti yang ada di kawasan Bukit Jugra, Selangor.

### 1.1 Latar belakang kajian

Di Selangor terdapat beberapa tempat bersejarah yang boleh untuk kita kunjungi antaranya di daerah Kuala Langat, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Bukit Jugra adalah salah satu tempat yang boleh dikunjungi untuk melakukan suatu aktiviti yang lasak seperti mendaki atau menaiki paragliding. Jugra ini juga merupakan salah sebuah perkampungan kecil Melayu yang dikenali sebagai 'Tanjung Kera'. Mengikut

masyarakat Melayu dulu, kebiasaannya nama bagi sesebuah itu akan dirujuk daripada nama tumbuhan, haiwan atau juga suatu peristiwa yang pernah terjadi di tempat tersebut. Menurut cerita, dahulunya nama bagi 'Jugra' ini diambil daripada satu peristiwa di mana terdapat sekumpulan orang-orang asli yang dikumpulkan oleh Tok Batin untuk melakukan suatu pekerjaan. Tok Batin juga dianggap sebagai "Juru Kerah" iaitu bermaksud "Ketua". Nama 'Jugra' ini juga muncul dari perkataan "Jurukerah". Tempat yang dinamakan sebagai Jugra ini juga meliputi beberapa kawasan iaitu dari kaki Bukit Jugra, Kampung Sungai Arak yang juga bersempadan dengan Kampung Kelanang dan juga Pekan Codoi. Berdasarkan daripada catatan Tun Seri Lanang (1612) di dalam sejarah Melayu juga ada menyebut nama Jugra, Jeram dan juga Selangor yang telah wujud pada zaman Sultan Mansur Shah Melaka (Azman Sharif, 2012)

Di Jugra ini juga, terdapat beberapa kampung di kawasan sekitarnya antaranya ialah Kampung Kelanang, Kg. Codur dan juga Kg. Sungai Arab. Jugra ini dahulunya telah menjadi antara pusat pentadbiran pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad, iaitu Sultan Selangor yang ke-5 kerana kawasan ini merupakan lokasi yang amat strategik yang mana berdepan dengan persiaran Selat Melaka dan juga ianya berdekatan dengan muara Sg. Langat dan yang tidak lama kemudian lokasi ini dijadikan sebagai Pelabuhan Jugra. Bukit Jugra ini juga dulu pernah dikatakan di dalam kisah Tun Seri Lanang, yang mana Hang Tuah pernah datang ke Jugra adalah untuk menyabungkan ayam di Bukit Jugra sehinggakan terdapatnya jejak tapak kaki milik Hang Tuah yang berada berdekatan dengan Batu Hampur di Jugra ini (Izdan, 2021).

Selain itu, perkara menarik yang terdapat di Bukit Jugra, Selangor ini antara salah satunya adalah Muzium Insitu Jugra yang mana ianya dikenali juga sebagai Balai Polis Lama atau juga Rumah Pasung. Selain itu juga, Bukit Jugra ini merupakan Bukit

Pertama yang mana ia diberi gelaran sebagai Bukit Makam kerana di Bukit Jugra ini terdapat berpuluh-puluh buah makam. Ianya juga boleh dikatakan 80% daripada makam-makam yang berada di Bukit Jugra ini adalah makam keluarga diraja Selangor khususnya bagi keluarga Almarhum Abdul Samad (Zainab Roslan & Zuliskandar Ramli, 2013). Di samping itu, di sekitar Bukit Jugra ini terdapat juga banyak rumah-rumah pembesar istana, kerabat diraja dan juga terdapat rumah residen Inggeris dahulunya yang ada di atas Bukit Jugra. Sehingga kini, makam-makam yang ada di Bukit Jugra ini masih ada dan ia nya dibuka untuk menjadi perhatian bagi para pelawat.

Selain itu juga, pada zaman dahulu pusat pentadbiran Selangor sering berpindah dari satu tempat ke tempat yang baharu akibat berlaku peperangan. Setiap Sultan Selangor akan mempunyai istana mereka yang tersendiri untuk dijadikan sebagai tapak pemerintahannya seperti Sultan Abdul Samad. Baginda yang telah mendirikan Istana Jugra di Bukit Jugra akan tetapi sekarang ini istana tersebut tidak dapat diselamatkan dan kini cuma tinggal runtuhannya sahaja. Selepas daripada itu, pewaris Sultan yang ke-5 iaitu Sultan Alaueddin telah membina istananya sendiri iaitu yang dikenali sebagai Istana Bandar untuk dijadikan sebagai tapak pemerintahan baginda di Kampung Bandar (Izdan, 2021) .

## 1.2 Permasalahan kajian

Permasalahan bagi kajian ini adalah sesuatu masalah yang ingin dikaji dalam suatu penyelidikan. Kajian ini dilakukan secara umum adalah berkaitan dengan Bukit Jugra yang dikenal sebagai pusat pelancongan. Namun bagi mengangkat Bukit Jugra ini sebagai pusat pelancongan bukanlah sesuatu hal yang mudah. Hal ini kerana, faktor keterikatan tempat adalah sangat penting di Bukit Jugra, Selangor kerana potensinya dalam mempengaruhi penglibatan sebuah komuniti di kawasan tersebut. Aspek-aspek

keterikatan tempat ini akan membantu komuniti semakin rapat dan juga akan dapat menyumbang kepada kemakmuran tempat tersebut. Ini adalah kerana Bukit Jugra ini adalah salah satu tempat di mana ramai pengunjung yang datang sama ada di dalam atau luar negara untuk beriadah dan melakukan aktiviti lasak (Rahman, 2018) .

Secara umumnya juga, Bukit Jugra, Selangor ini mempunyai semua aset warisan yang berharga dan juga mempunyai latar belakang sejarahnya yang tersendiri. Ini kerana terdapat beberapa aspek keterikatan yang perlu ambil kira akan kepentingannya dalam mempengaruhi penglibatan sesebuah komuniti dalam acara yang dilakukan di Bukit Jugra, Selangor. Kajian ini memfokuskan kepada dimensi keterikatan tempat terhadap aspek fizikal tempat. Contohnya lokasi tarikan utama pelancong ke Bukit Jugra yang dipengaruhi oleh rupa bentuk semula jadi, aktiviti-aktiviti sosial dan juga tinggalan sejarah yang terdapat di Bukit Jugra, Selangor sebagai contoh di perjalanan menuju ke atas bukit terdapat tinggalan bekas pejabat lama (A. Sharif, 2012). Fokus dalam mengkaji isu ini adalah menggunakan konsep dan juga prinsip asas tempat. Konsep serta prinsip ini mementingkan unsur fizikal dan aktiviti bersama dengan makna yang dimiliki oleh pengguna akan dapat membentuk identiti dan makna Bukit Jugra itu.

### 1.3 Persoalan kajian

Bagi menjawab objektif kajian kajian beberapa persoalan kajian telah dibentuk. Antaranya adalah:

- i. Apakah aspek keterikatan tempat yang terdapat di Bukit Jugra, Selangor?
- ii. Bagaimanakah pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti?
- iii. Bagaimanakah cabaran dalam mengekalkan aspek keterikatan tempat terhadap komuniti?

#### 1.4 Objektif kajian

- i. Mengetahui aspek keterikatan tempat dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.
- ii. Mengkaji kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.
- iii. Menganalisis cabaran terhadap keterikatan tempat yang ada di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

#### 1.5 Skop kajian



Rajah 1.1: Pelan Persempadanan Mukim, Daerah Kuala Langat

Sumber: Portal Rasmi Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat (2022)

Pengkaji telah memilih untuk membuat kajian di kawasan sekitar Bukit Jugra, Selangor yang dikenal sebagai pusat pelancongan dari segi perspektif komuniti. Dalam bahagian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada faktor-faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor. Skop kajian ini terarah kepada aspek utama dalam faktor keterikatan tempat dalam memberikan potensi yang sangat penting bagi sesuatu penglibatan komuniti di acara ataupun aktiviti yang dilakukan di Bukit Jugra, Selangor. Oleh itu, kajian ini ingin mengenalpasti apakah

aspek utama yang mempengaruhi faktor keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor. Aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra dilihat dari fizikal, sosial dan juga sejarah. Selain memfokuskan kepada aspek kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji kesan keterikatan suatu tempat terhadap penglibatan komuniti dan yang terakhir juga memfokuskan kajian terhadap menganalisis cabaran terhadap keterikatan bagi suatu tempat.

Tambahan pula, kajian ini berfokus kepada komuniti setempat di sekitar Bukit Jugra. Hal ini kerana mereka lebih mahir dan juga faham akan selok-belok di kawasan tersebut dan juga mengenai cerita sejarah disebalik kawasan kajian. Populasi penduduk Kuala Langat terutama di kawasan Jugra kini telah melebihi angka 300 ribu orang yang mana majoriti penduduk terdiri daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan juga kaum India serta terdapat sebahagian kecil kumpulan etnik Orang Asli (Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat, 2022b).


Berdasarkan pada rajah 1.2, gambaran mengenai bangunan bersejarah yang berada di Bukit Jugra, Selangor. Gambaran bangunan bersejarah berikut adalah peninggalan bangunan pejabat daerah lama, panggakalan TUDM, serta mercu tanda Bukit Jugra iaitu rumah api. Bangunan-bangunan ini terdapat di atas Bukit Jugra dan juga perjalanan ketika menaiki Bukit Jugra. Bangunan-bangunan ini merupakan antara aset warisan ketara yang ada di sekitar Bukit Jugra, Selangor.



Rajah 1.2: Bangunan Bersejarah di Bukit Jugra, Selangor

Sumber: Kajian Lapangan 2022 / laman website

Rajah 1.3 pula merupakan gambaran mengenai pemandangan yang berada di sekitar Bukit Jugra, Selangor. Antara contoh gambaran pemandangan yang ada adalah mengenai pemandangan Kuala Langat dari atas Bukit Jugra, board tulisan Bukit Jugra yang berada di kaki bukit serta pemandangan orang menaiki paragliding. Ini menggambarkan bahawa di Bukit Jugra, Selangor ini selain boleh melakukan aktiviti menyihatkan tubuh badan dapat juga menikmati pemandangan yang indah.



Rajah 1.3: Contoh pemandangan sekitar Bukit Jugra, Selangor

Sumber: Kajian Lapangan 2022 / laman website

### 1.6 Kepentingan kajian

Penyelidikan ini adalah bertujuan bagi memberikan maklumat yang lebih tepat kepada pengkaji lain tentang faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti mengikut kepada objektif yang telah ditentukan oleh pengkaji. Di samping itu juga, kajian juga mampu memberi penekanan kepada pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai kaitan dengan warisan agar lebih peka untuk nilai suatu sejarah dan juga warisan agar ianya akan dijaga dengan baik dan tidak terlalu fokus hanya pada tempat tertentu sahaja.



Selain itu kepentingan dari kajian, dapat membantu meningkatkan kesedaran bagi setiap individu dalam menghargai mengenai aset warisan. Hal ini kerana aset warisan yang ada sangat penting untuk dipelihara agar ia tidak musnah dan tidak dilupakan.

Seterusnya, kepentingan kajian ini juga akan dapat memberikan pengetahuan mengenai warisan di lokasi tersebut kepada masyarakat dan juga komuniti setempat Bukit Jugra, Selangor ini agar mereka mengetahui dan lebih menghargai tempat yang mempunyai nilai sejarah dimana ianya juga akan berguna kepada generasi yang akan datang. Hal ini adalah kerana, jika sebuah tempat tersebut mempunyai tanda vandalisme berkemungkinan besar ianya dilakukan oleh penduduk yang berhampiran dengan kawasan Bukit Jugra, Selangor ini atau pengunjung yang datang.

Akhir dari kajian ini akan memberikan pengetahuan serta menjadi rujukan kepada pelajar dan juga pihak Universiti Malaysia Kelantan. Ini adalah kerana, kajian yang dilakukan berkaitan dengan warisan budaya, konsep pemuliharaan serta pemeliharaan terhadap sesuatu warisan. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu melakukan usaha untuk memelihara serta memulihara aset warisan yang terdapat di Bukit Jugra, Selangor.

### 1.7 Penutup

Kesimpulannya, bahagian ini menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian serta kepentingan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Proses serta aturan amatlah penting pada peringkat awal kajian bagi mengenalpasti dengan lebih terperinci mengenai isu dan hala tuju utama yang menjadi permasalahan dalam kajian ini. Tambahan, dengan elemen tersebut dijadikan sebagai pengukur untuk pengkaji dalam menghasilkan penulisan kajian yang lebih sistematik dan juga untuk memberikan manfaat terhadap diri serta masyarakat setempat.

## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Hasil daripada pelbagai kajian lepas yang mengkaji mengenai potensi dalam keterikatan tempat dalam mempengaruhi komuniti dalam aspek pelancongan dibincangkan dalam bab ini. Keterikatan di kajian ini bermaksud hubungan antara keberkesanan fizikal dan juga fungsi hubungan antara suatu komuniti dengan suatu tempat, yang mana ianya akan melalui proses yang memberikan makna bagi suatu tempat yang dikaji (Zainudin, 2022). Tambahan pula, Bukit Jugra, Selangor juga mempunyai pelbagai jenis warisan tinggalan sejarah di sekitar kawasan tersebut. Oleh sebab itu, kawasan Bukit Jugra ini berpotensi tinggi untuk menjadi sebuah pusat pelancongan. Untuk menjayakan usaha ini diperlukan kerjasama dengan semua pihak bagi memastikan pelancongan yang berunsurkan elemen warisan bersejarah, arkeologi dan juga ekologi semula jadi ini akan berjaya pada masa yang akan datang. Oleh kerana itu, pengkaji memilih lokasi kajian di Bukit Jugra, Selangor sebagai pusat pelancongan. Peristiwa terdahulu yang berkesan membuatkan suatu elemen warisan dan juga pelancongan saling berkait antara satu sama lain. Pelancongan juga menjadi dapatan ekonomi dan juga pengekalan suatu warisan, sekaligus dapat memberikan pulangan sumber pendapatan yang besar kepada komuniti setempat dan negara. Hal ini juga dapat dilihat contoh dari negara Indonesia yang mana pelancongan warisan menjadi tarikan utamanya bagi negaranya, ianya merupakan salah satu faktor utama penyumbang kepada ekonomi negara (Samsudin, 2013).

## 2.1 Sejarah Bukit Jugra

Bukit Jugra merupakan antara lokasi yang penting dalam pemerintahan negeri Selangor, sama ada dari aspek kedudukannya atau juga lokasi strategik bagi mengawal laluan laut sekitar Selat Melaka (Rahman, 2018) Jugra ini juga merupakan antara salah sebuah mukim yang berada di dalam daerah Kuala Langat dan ianya berada berhampiran dengan lembangan Sungai Langat Muara. Jugra berasal daripada bahasa Mah Meri yang dipanggil sebagai “Sugere”. Bukit Jugra merupakan puncak yang berada di Selangor dengan ketinggian setinggi 241 meter bersamaan 791 kaki. Bukit Jugra ini terletak berdekatan dengan Jabatan Mufti Negeri Selangor dan rumah sarang burung. Jugra ini dikenali dengan pelbagai nama antaranya ia juga dikenali sebagai Bukit Jugra, Bukit Jugru dan Bukit Parcelar (Mapbox, n.d.). Bukit Jugra ini telah dibuka lebih 15 tahun yang lalu, dan kawasan ini juga sering dipenuhi oleh pengunjung terutamanya pada hujung minggu kerana menawarkan aktiviti riadah bersama keluarga, rakan dan sebagainya.

Dalam dalam kawasan Jugra ini terdapat beberapa kawasan lain yang berdekatan antaranya ialah kawasan Permatang Pasir, Kampung Kathong, dan terdapat juga kawasan lain seperti Sungai Chodoi yang juga dikenali sebagai Sungai Buaya. Selain itu, terdapat kawasan di pinggir bandar iaitu kawasan yang dikenali sebagai Slam baru (Mapbox, n.d.). Selain dapat melakukan aktiviti yang ekstrem iaitu mendaki Bukit Jugra dan aktiviti menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik dari atas udara, kawasan ini mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sini antara nya Bukit Jugra Lighthouse atau Rumah Api yang terletak di atas bukit iaitu 100 meter arah barat daya. Selain rumah api, Bukit Jugra ini juga terkenal dengan Bukit Jugra Viewpoint iaitu pemandangan yang indah dari atas

Bukit Jugra untuk melihat kawasan disekitarnya yang mana ia terletak 120 meter arah ke selatan dan mercu tanda terakhir yang ada di Jugra ini adalah, lokasi yang terletak berdekatan dengan Jabatan Mufti Negeri Selangor iaitu pejabat kerajaan Selangor yang dimana lokasinya terletak di sekitar 120 meter kearah barat daya (Mapbox, n.d.). Selain Muzium Insitu Jugra, lokasi Bukit Jugra sangat menarik kerana adanya Rumah Api dengan ketinggian setinggi 146 meter yang mana ianya merupakan penanda arah bagi kapal-kapal yang berlabuh kerana Jugra merupakan salah sebuah pusat pelabuhan. Di sekitar Bukit Jugra ini juga terdapat beberapa tempat bersejarah untuk dilawati oleh para pelawat. Antara tempat-tempat bersejarah adalah seperti Muzium Insitu Jugra, Makam Diraja Jugra, Istana Bandar dan juga Kem Pasukan Khas TUDM (Skwadron Penyelamat Tempur Udara) yang ada di atas Bukit Jugra. Sejarah penubuhan Muzium Insitu Jugra adalah ia nya juga dikenali sebagai balai polis lama atau juga sebagai rumah pasung (Izdan, 2021).

Di samping itu, terdapat juga tempat menarik yang boleh dilawati ketika datang ke Bukit Jugra, Selangor iaitu terdapat tempat bersejarah Kompleks Makam Diraja. Kompleks Makam Diraja ini terletak di atas Bukit Jugra dan ianya sentiasa dijaga dengan rapi agar terus terpelihara. Makam Diraja Jugra ini merupakan sebahagian dari bukit Jugra yang telah dipilih sebagai kawasan permakaman keluarga Diraja Selangor pada tahun 1886. Di satu kawasan yang luasnya hampir lebih kurang lima ekar, terdapat sebuah binaan batu yang besar, dan di dalamnya terdapat makam Sultan Abdul Samad Ibni Almarhum Tengku Abdullah yang telah mangkat pada bulan Februari 1898. Beliau telah memerintah dari tahun 1859 hingga 1898 (A. Sharif, 2012).

Manakala makam-makam lain yang terletak di bahagian luar kompleks pula adalah Makam Almarhum Tengku Muda Musa, Makam Almarhum Tunku Alfah Binti Almarhum Sultan Abdul Samad, Makam Almarhum Tunku Jaafar, Makam Tunku Yaakob, Almarhum Tunku Maharum, Almarhum Raja Berkat dan Makam Almarhum Tengku Muteh Ibni Sultan Abdul Samad. Di luar bangunan pula, terdapat beberapa perkuburan, terutama yang berhampiran dengan bangunan tersebut adalah pusara kerabat diraja, dan sesetengahnya adalah bangunan lebih kecil seperti pusara Yang Mulia Raja Kahar, Tengku Maharum, dan Raja Muda Musa yang mangkat pada tahun 1884 (Izdan, 2021). Selain itu, di atas Bukit Jugra ini juga terdapat balai cerap yang mana ia sering digunakan secara rasmi untuk melihat anak bulan terutamanya pada bulan Ramadhan. Balai Cerap ini juga menjadi salah satu lokasi untuk latihan ilmu falak menerusi kursus-kursus falak syaria khususnya bagi Negeri Selangor.

Selain itu juga, di Bukit Jugra, Selangor ini selain memiliki pemandangan yang indah dan sesuai dijadikan sebagai tempat untuk menghabiskan waktu lapang bagi penggemar yang meminati sukan ekstrem. Ianya adalah kerana di Bukit Jugra ini mempunyai trek rata yang mungkin kelihatan mudah bagi peminat sukan extreme. Aktiviti lain yang biasanya dilakukan adalah berjoging atau juga bagi peminat yang suka mendaki bukit. Selain itu juga, jika berada di atas Bukit Jugra Selangor, selain dapat melihat pemandangan indah sungai Langat pengunjung juga dapat melihat papan kenyataan yang menceritakan sejarah dan maklumat mengenai kawasan-kawasan yang ada di Selangor (Rahman, 2018).

Seterusnya, implikasi daripada lokasi ini adalah terdapat banyak khazanah warisan yang ada di sekitar kawasan ini seperti warisan ketara serta tidak ketara. Sebagai contoh dari warisan ketara, terdapat bangunan bersejarah yang ada seperti

peninggalan pejabat daerah lama atau juga rumah api. Manakala bagi warisan tidak ketara pula adalah seperti aktiviti paragliding dan juga pemandangan sekitar Kuala Langat dari pandangan atas bukit (Asla, 2022).

Selain terdapat banyak khazanah warisan, implikasi daripada aset warisan yang ada di lokasi juga berpengaruh kerana aset warisan di Bukit Jugra ini seperti peninggalan bangunan pejabat daerah lama dan juga Muzium Insitu Jugra banyak fungsinya seperti bangunan tersebut terdapat sejarahnya tersendiri (Saljuieyana, 2019). Sebagai contoh, Muzium Insitu Jugra merupakan bangunan yang menyimpan sejarah mengenai Selangor, Jugra dan juga penjara lama. Hal ini juga, membuatkan Bukit Jugra ini mempunyai makna kepada komuniti setempat kerana mereka akan menghargai aset warisan mereka yang ada di Bukit Jugra ini agar tidak dimusnahkan dan dilupakan.

Di samping itu, implikasi daripada lokasi ini menyebabkan banyak khazanah atau juga aset yang ada mejadi salah satu daripada tarikan kepada pelancongan. Hal ini akan menyebabkan khazanah atau aset warisan ini akan menjadi tarikan utama kepada pelancongan warisan kerana bagi pelancong dari luar negara, mereka biasanya datang untuk melancong kerana tertarik kepada sejarah sesuatu tempat tersebut atau juga disebabkan dari warisan ketara atau juga tidak ketara yang ada di lokasi tersebut (Cari Destinasi, 2021).

Pelancongan warisan pada umumnya, ia adalah salah satu bentuk pelancongan bagi mengeksplo jenis khazanah warisan yang telah diwarisi daripada orang lama yang dulu contohnya dari aspek kebudayaan, kesenian, sejarah, artifak, alam semula jadi dan juga sebagainya (Abdul Razak, 2006). Para pelancong dari luar atau dalam negara tertarik untuk menerokai tempat dan juga sejarah yang menceritakan mengenai

kehidupan pada masa dulu. Hal ini menyebabkan, landskap budaya, pemuliharaan serta pemeliharaan rupa bentuk yang merupakan salah satu dari tarikan kepada para pelancong untuk datang. Dalam sektor pelancongan, warisan diklasifikasikan sebagai salah satu dari aktiviti warisan yang boleh digabungkan dengan aktiviti rekreasi serta sebagainya. Dapat juga dilihat bahawa pelancongan warisan pada masa kini lebih popular dalam sektor pelancongan (Mohamad Zaki Ahmad et al., 2008).

### 2.1.1 Definisi Pelancongan

Pelancongan dan melancong pada umumnya mempunyai definisi yang berbeza dan juga makna tidak sama. Melancong juga bermaksud melawat sambil melihat-lihat atau dikenali sebagai bersenang-senang, manakala bagi pelancongan pula bermaksud dari kata lancong ataupun juga melancong (Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Definisi bagi pelancongan warisan adalah pelancongan yang mana melibatkan unsur tradisional serta nilai sejarah yang membuatkan para pengunjung ingin datang berkunjung ke tempat warisan sebagai contoh bangunan bersejarah, tinggalan tapak bersejarah, tapak arkeologi, artifak dan juga kebudayaan tradisional (Abdul Razak, 2006).

Pelancongan bermaksud satu bentuk aktiviti bagi individu berada di luar daripada kawasan persekitarannya yang mana tidak melebihi dari satu tahun bagi melakukan aktiviti makan angin, perniagaan atau sebagainya (Zainudin, 2022). Selain itu, pelancongan juga didefinisikan sebagai sesuatu sistem terbuka yang mana mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, dan juga elemen manusia seperti pelancong, serta elemen kawasan iaitu terdapat industri pelancongan dan juga elemen dinamik iaitu ianya terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berehat selama lebih kurang dalam satu hari (Syafiqah & Mohd, 2017).



Pelancongan melibatkan aktiviti mengembara, melawat atau juga melancong dengan tujuan untuk berekreasi atau juga beridrah ke tempat-tempat yang lain dan juga ia melebihi jarak 50 batu dari tempat tinggal asal. Tempoh untuk melakukan aktiviti melawat, mengembara atau juga melancong ini juga tidak boleh melebihi dari satu tahun. Aktiviti pelancongan juga boleh dilakukan di dalam negara atau juga luar negara. Pelancongan juga merangkumi aktiviti hiburan, teori, amalan, perkhidmatan, perniagaan operasi dan juga tarikan kepada pelancongan atau juga yang dikenali sebagai pelawat (Schlitz, 2020).

### 2.1.2 Pelancongan Warisan

Pelancongan ini merupakan salah satu industri yang berkembang pesat bukan hanya di Malaysia tetapi juga ianya berlaku bagi seluruh dunia. Salah satu potensi bidang yang bagus adalah dalam bidang pelancongan yang berasaskan warisan di Malaysia. Pelancongan yang berasaskan warisan ini juga melibatkan warisan budaya iaitu warisan ketara dan juga warisan tidak ketara serta warisan semula jadi (Ramli, Mokhtar, et al., 2015).

Pada umumnya pelancongan warisan merupakan satu bentuk pelancongan bagi meneroka jenis khazanah warisan yang telah diperolehi daripada orang lama yang dulu seperti kebudayaan, kesenian, sejarah, artifak, alam semula jadi dan juga lain-lain (Abdul Razak, 2006). Sejarah adalah satu elemen penting sebagai produk pelancongan warisan. Para pelancong yang gemar serta tertarik untuk meneroka tempat dan aktiviti yang banyak memaparkan kesahihan kehidupan pada zaman dulu. Hal ini disebabkan, landskap budaya, pemuliharaan dan pemeliharaan rupa bentuk sejarah yang ada

merupakan tarikan kepada pelancong untuk melihat keindahan yang ada pada aset warisan (Zainudin, 2022).

Secara umumnya juga, kebanyakan warisan yang ada di dunia ini menjadi keutamaan bagi negara mereka masing-masing. Warisan dikategorikan sebagai satu aktiviti warisan yang boleh digabungkan dengan aktiviti rekreasi dari segi aspek pembangunan pelancongan. Kini dapat dilihat bahawa pelancongan warisan ini lebih popular dalam sektor pelancongan (Mohamad Zaki Ahmad et al., 2008). Menjaga khazanah negara adalah sebuah perkara yang sangat penting disebabkan terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa para pelancong yang berminat akan sejarah di sesebuah tempat akan menetap lebih lama dan juga akan berbelanja lebih berbanding dengan pelancong yang bertujuan melancong hanya untuk beristirahat atau juga atas tuntutan kerja (Samsudin, 2013) .

Pelancongan warisan secara relatif merupakan satu fenomena baru, walaupun ianya perjalanan untuk tujuan kebudayaan atau juga melawat tempat-tempat bersejarah yang telah wujud dan juga popular sejak dari zaman silam lagi. Secara khususnya, peningkatan nostalgia terhadap masa silam, taraf pendidikan yang lebih tinggi dan juga kepelbagaian faktor motivasi pelancong yang telah menyebabkan permintaan terhadap pelancongan berasaskan warisan ini menjadi semakin meningkat (Ahmad et al., 2014).

### 2.1.3 Pelancongan di Malaysia

Industri pelancongan yang ada di Malaysia ataupun luar negara ia adalah industri yang berkembang pesat selari dengan pembangunan era pemodenan (Zuliskandar Ramli, 2017). Promosi berkaitan dengan pelancongan warisan kini masih lagi rendah dan tidak banyak walaupun bidang pelancongan warisan ini bukanlah perkara yang baru yang ada di Malaysia. Warisan ketara, tidak ketara serta semula jadi adalah salah satu penyebab yang meyumbang untuk pelancongan warisan di Malaysia.

Menurut Mohammad Zaki (2008), pelancongan pada awalnya tahun 1990 dimana terjadinya fenomena ekonomi dan juga sosial yang bermula berkembang secara besar-besaran di seluruh dunia bagi mengenali kawasan-kawasan yang baru yang masih belum pernah dikunjungi. Pendapatan bagi sebuah negara juga dapat dijamin melalui dari perkembangan industri pelancongan ini. Seterusnya, aspek sosial, ekonomi, politik, fizikal, teknologi dan juga budaya mampu menjana ekonomi yang tinggi kepada negara disebabkan pelancongan merupakan sebuah industri yang penting kepada negara. Pelancongan sejarah, pelancongan budaya, pelancongan etnik, pelancongan rekreasi dan pelancongan persekitaran adalah dibawah lima kategori pelancongan yang telah dibahagikan mengikut warisan budaya iaitu warisan ketara atau tidak ketara. Gaya hidup, warisan budaya, seni bina dan segala unsur yang ada mencirikan gaya hidup masyarakat merupakan juga antara tarikan utama dalam aspek pelancongan (Zainudin, 2022).

#### 2.1.4 Komuniti di Bukit Jugra, Selangor

Berdasarkan dari sudut pelancongan sosial. Ianya melibatkan masyarakat dengan memberikan didikan kepada komuniti setempat supaya membolehkan bertutur bahasa luar dengan fasih dan keluar dari zon selesa mereka contohnya berkomunikasi dalam Bahasa inggeris dengan para pelancong yang datang ke Bukit Jugra (Shukor et al., 2017). Kehidupan penduduk juga bertambah maju dengan adanya pembangunan pelancongan di kawasan sekitar tempat tinggal mereka sebagai contoh terdapat peluang pekerjaan iaitu membuat homestay. Dengan ini dapat dilihat dengan jelas hubungan antara komuniti dalam kelangsungan pembangunan pelancongan ini adalah saling berkait supaya dapat mengembangkan industri pelancongan supaya maju.

Mengamalkan gaya hidup tersendiri, berkongsi aspirasi serta kehendak, mencenderungkan diri dalam kegiatan harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan, bertanggungjawab serta mempunyai hubung kait dengan aspek kehidupan adalah maksud yang sesuai bagi sebuah komuniti (Ibrahim, 2007). Selain itu, ungkapan bagi pembangunan membawa maksud dengan perkataan pertumbuhan atau kemajuan serta juga permodenan sedangkan kesemua ini juga merupakan tahap dalam sebuah proses pembangunan (Ibrahim, 2007).

Penyertaan komuniti setempat adalah sangat penting, mereka mempunyai kearifan tempatan tersendiri terutama ketika ianya ada kaitannya dengan aset warisan. Melahirkan serta menyertakan diri mereka dalam perancangan serta pengurusan akan dapat mewujudkan rasa tanggungjawab yang lebih besar terhadap harta warisan. Tambahan, mereka adalah orang yang lebih arif akan selok belok dan sejarah yang ada di tempat kelahiran mereka (Bakri et al., 2012b). Seterusnya, ianya juga untuk memajukan sesebuah negara. Demikian adalah kerana, faktor keterikatan suatu tempat

akan memberikan pengaruh kepada penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor ini kerana faktor dari segi fizikal, aktiviti dan sejarah mengenai lokasi tersebut. Ianya akan membuatkan komuniti setempat mempunyai kesedaran akan pentingnya mengenai warisan yang ada di kawasan mereka agar tidak dilupakan dan musnah.

Berdasarkan keadaan kedudukan geologi bagi lokasi Bukit Jugra, Selangor ini terletak di penghujung mukim dan ia juga mungkin menjadi salah satu penyebab utama mengapa kawasan ini kini telah terpinggir dan juga kurang didatangi oleh pengunjung. Selain itu juga, pihak berkuasa tempatan juga telah merancang untuk memudahkan pelancong yang datang ke Bukit Jugra, Selangor ini dengan mewujudkan kemudahan pengangkutan seperti tren atau juga van pelancongan di Bukit Jugra ini. Selain itu juga, Bukit Jugra ini mempunyai peluang untuk dimajukan dan dikenalkan sebagai tapak pelancongan warisan kerana di Bukit Jugra ini memiliki khazanah warisan yang mampu untuk menarik perhatian ramai pelancong untuk datang. Terdapat beberapa laporan yang dilakukan mengenai tanah warisan di Bukit Jugra ini kerana kawasan ini dibiarkan tidak terjaga dan ia berlaku kerana atas faktor ekonomi yang tidak baik dan juga kekurangan penyediaan infrastruktur juga merupakan salah satu masalah utama yang menyebabkan terjejasnya usaha dalam pembangunan pelancongan warisan yang dilakukan di Bukit Jugra, Selangor ini (Zainab binti Roslan, 2022).

#### 2.1.5 Potensi ekonomi pelancongan di Bukit Jugra, Selangor


Keutuhan bagi ekonomi pelancongan bukan hanya berpandukan kepada tarikan alam semula jadi serta promosi secara besar-besaran semata, walaupun begitu ia juga bertumpu kepada pembangunan pelancongan dan juga kesediaan komuniti tempatan bagi menerima dan juga melayani para pelancong yang datang ke Bukit Jugra, Selangor (Ibrahim, 2001). Kerana hal itu, penyertaan dari penduduk tempatan atau komuniti adalah salah satu dokongan moral yang dilakukan kepada sektor pelancongan, mana

ianya memberi gambaran bahawa ada juga komuniti tempatan yang mahu melibatkan diri. Seperti yang kita sedia maklum, komuniti tempatan yang ada disebuah kawasan yang terlibat, berperanan penting dalam membangunkan sektor pelancongan dan ianya diperlukan hubungan antara komuniti dengan komuniti yang lain. Contohnya, pelancong yang datang ke sesuatu tempat pelancongan itu akan perlukan pemandu pelancong dan juga penduduk tempatan untuk berinteraksi serta yang mempunyai orang yang boleh dihubungi untuk melakukan aktiviti pelancongan. Selain itu, pembangunan pelancongan juga berkembang kerana terdapatnya sektor perkhidmatan seperti pengangkutan, dari segi sektor penginapan hotel dan juga dari segi sektor makanan yang terdapat di lokasi tersebut sama ada mudah untuk didapati atau tidak.

Penglibatan komuniti setempat sangat penting kerana mereka ada kearifan tempatan terutama ketika membabitkan berkaitan penjagaan aset warisan. Selain itu, melahirkan serta menyertakan mereka dalam perancangan serta pengurusan dapat memupuk rasa tanggungjawab yang lebih besar dalam diri mereka terhadap harta warisan. Tambahan, mereka juga lebih pakar tentang selok belok dan sejarah yang ada di tempat kelahiran mereka sendiri. Pada umumnya, aktiviti pembangunan pelancongan apabila dilakukan tidak melibatkan komuniti tempatan, ianya akan menyebabkan beberapa permasalahan pada kemudian harinya (Zainudin, 2022) .

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 Kerangka teori



Rajah 2.1: Asas keterikatan Komuniti

Sumber: (Tuan 1977 & Mooney 2009)

Mooney (2009) mencadangkan bahawa keterikatan tempat dan juga identiti tempat sering dianggap sebagai komponen pelengkap. Penglibatan komuniti dianggap sebagai ukuran ikatan emosi yang dimiliki oleh komuniti dengan kejiwaan mereka. Manakala identiti tempat pula dianggap sebagai ukuran dimensi peribadi diri yang menghubungkan ke tempat tertentu. Konsep ini berdasarkan pemahaman tentang imej diri seseorang dan nilai, yang dipengaruhi oleh hubungan mereka dengan persekitaran fizikal tempat mereka tinggal. Komuniti ditakrifkan sebagai penggabungan orang secara sukarela untuk tujuan kolektif di mana ia berkongsi kerja, aspirasi, masalah dan penyelesaian. Oleh itu komuniti adalah rangkaian sosial dan lokasi geografi.

Dalam beberapa keadaan, nilai sosial yang dikongsi bersama serta perpaduan politik pada masa krisis juga merupakan tanda keterikatan masyarakat yang kuat. Faktor fizikal lain, termasuk kualiti perumahan dan juga mercu tanda tempatan akan dapat menyumbang kepada keterikatan komuniti. Begitu juga, rasa tidak puas hati terhadap kualiti fizikal kawasan kejiwaan mengurangkan komitmen. Terdapat juga keperluan untuk penduduk mempunyai hubungan dengan masa lalu mereka dan sambungan kepada ciri fizikal tempat semasa mereka serta persekitaran yang

menyokong aktiviti harian mereka; ini juga boleh menyumbang kepada keterikatan komuniti.

Selain itu, ianya juga ada berkenaan dengan tempat bersejarah dan warisan. Ianya adalah mencadangkan bahawa pemeliharaan pada seni bina warisan akan memberi kesan kepada masa lalu seseorang dan juga kestabilan dalam persekitaran fizikal akan memberi pengaruh kepada sebuah komuniti tersebut. Apabila masyarakat berubah mengikut peredaran masa, perubahan juga mungkin dapat diserap dengan baik kerana orang ramai berusaha untuk mengekalkan hubungan psikologi dengan masa dan ruang (Tuan 1977). Tuan juga memberitahu bahawa bagi sebuah hubungan yang kukuh perlu ada hubungan antara tempat fizikal dan rangkaian sosial dengan keterikatan tempat tersebut. Keadaan sosial dan fizikal perlu ada untuk keterikatan bagi suatu tempat itusupaya ianya akan dapat berkembang.

### 2.3 Penutup

Kajian yang lepas sangatlah penting bagi sebuah proses penyelidikan. Bahagian ini mengkaji mengenai hasil kajian lepas yang diperolehi daripada berbagai jenis sumber serta akan diguna oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian yang melibatkan teknik pengumpulan data yang cekap. Bagi kajian yang berjaya diperolehi oleh pengkaji berkaitan dengan Bukit Jugra, Selangor ini yang dapat memberikan pengaruh kepada komuniti setempat dari segi aspek keterikatan suatu tempat.



## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Pengkaji akan membincangkan berkaitan kaedah yang akan digunakan seperti huraian mengenai kriteria bagi informan dan juga pemilihan kawasan kajian pada bahagian ini. Kaedah yang akan diguna akan membantu pengkaji untuk memperoleh imput serta output yang berkesan dan juga relevan dengan kajian yang dilakukan. Analisis serta data yang dijalankan juga dihuraikan dengan lebih mendalam serta terperinci. Metodologi merupakan kaedah yang tertentu yang digunakan bagi mencapai tujuan sesuatu perkara (Fitri dan Hayati, 2020). Metodologi kajian merupakan kaedah yang diguna pakai bagi mengumpulkan serta menganalisis data untuk mengukuhkan lagi kajian penyelidikan ini. Salleh (2003) menyatakan metodologi adalah ilmu pengetahuan mengenai cara dalam kajian yang berunsur ilmiah. Metodologi merupakan kaedah pengolahan, analisis data dan pengumpulan data yang akan dilakukan secara teratur bagi menjawab persoalan kajian yang ditetapkan (Haroon, 2010). Walaubagaimanapun, Ismail (2013) mengatakan bahawa metodologi kajian itu adalah perkara yang sangat dititikberatkan bagi mendapatkan data kajian yang sahih dan baik.

Bahagian ini juga akan menjelaskan mengenai kaedah penyelidikan yang akan digunakan mengenai faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor. Bab tiga ini akan menerangkan mengenai kaedah penyelidikan, kaedah analisis data, pengumpulan data, instrumen kajian serta teknik persampelan data yang akan digunakan dalam penyelidikan.

### 3.1 Pendekatan kajian

Dalam melakukan kajian mengenai Bukit Jugra, Selangor ini sebagai pusat pelancongan (faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti), pengkaji memilih untuk membuat pendekatan kajian adalah kajian kes. Ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan data dan maklumat. Selain itu juga, kajian kes adalah salah satu kaedah mengumpulkan data dengan mengguna kaedah yang bersesuaian mengikut tempat kajian. Hasil kajian yang dihasilkan adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi dan disatukan serta dibentuk menjadi satu pernyataan. Kebiasaanya penyelidikan kajian kes mengguna berbagai jenis maklumat yang diperolehi daripada sumber yang berbeza seperti dokumen, hasil temubual serta pemerhatian daripada berbagai sumber bukti dari kajian yang lepas.

### 3.2 Rekabentuk kajian

Kajian berkaitan pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor (faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti), pengkaji telah memilih reka bentuk kajian campuran iaitu jenis kualitatif dan juga kuantitatif. Rekabentuk kajian campuran adalah langkah awal untuk mengumpul data, menganalisis serta gabungan kedua-dua kajian kuantitatif serta kualitatif, metodologi dalam kajian bagi memahami serta menjawab persoalan kajian yang telah dibuat oleh penyelidik (Cresswell dan Plano Clark (2007). Kaedah temu bual dan borong soal selidik digunakan dalam kajian ini. Temu bual dan juga satu set soal selidik yang digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Set soal selidik ini mempunyai ciri-ciri saintifik, khusus dan juga dapat merangkumi jumlah populasi yang luas melalui sampel yang kecil dan logik (Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod, 2018).

### 3.3 Kaedah kajian

Kaedah kajian dalam kajian ini merupakan proses yang dititikberatkan bagi menjawab objektif kajian untuk penghasilan suatu penyelidikan (Samsudin, 2013). Proses kajian seperti melalui rujukan buku, temubual, buku, rujukan laman sesawang, rujukan soal selidik serta sebagainya. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal, membuat kajian mengenai pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti, dan juga apa cabaran terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor. Pengkaji menggunakan kaedah campuran. Matlamat utama penyelidik menggunakan kaedah campuran adalah bagi menghasilkan penyelidikan kualitatif dan juga kuantitatif yang menyeluruh, di samping itu untuk menguatkan lagi sokongan kepada suatu perkara seperti hujah, isu atau dapatan yang diperoleh daripada pelbagai sudut pandangan sama ada kuantitatif atau juga kualitatif.

#### 3.3.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif digunakan untuk mengkaji faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor. Definisi kaedah kualitatif adalah usaha untuk memberi penjelasan berkaitan suatu keadaan atau sifat manusia dengan menggunakan pandangan umum berkaitan apa sahaja. Kaedah kualitatif ini bukan sahaja hanya menfokuskan kearah pengutipan hasil data tetapi maklumat yang berkualiti. Dalam kaedah kualitatif, pengkaji menemu bual empat orang pengunjung yang datang ke Bukit Jugra untuk menjawab kepada objektif kajian pertama dan kedua. Selain temubual empat orang informan, yang terdiri daripada Asmah Shoib, Nur Aniessa Azman, Nur Hani Mohd Rudin dan juga Nur Hana Mohd Rudin, pengkaji telah menjalankan pemerhatian secara langsung di sekitar Bukit Jugra

bagi menyokong data atau maklumat yang diperolehi. Pemerhatian juga memfokuskan kepada elemen warisan yang ada di kawasan kajian.

### 3.3.2 Kaedah Kuantitatif

Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengkaji mengenai faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor. Pendekatan kuantitatif merujuk kepada jumlah atau bilangan. Alpian (2022) mengatakan kaedah kuantitatif terbahagi kepada tiga iaitu bertujuan untuk mengukur tahap kepercayaan data, mengenal pasti pemboleh ubah dan membuat perbandingan dengan maklumat yang telah diterima. Namun begitu, kaedah kuantitatif lebih kepada kaedah pengukuran dan data yang diperolehi selalunya dalam bentuk numerikal. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) ada menerangkan definisi kuantitatif yang merujuk kepada kuantiti. Gliner et al (2009) juga menyatakan kuantitatif mempunyai pelbagai cara pengkodan tema dan memberikan maksud kepada data melalui imej atau perkataan. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk memperolehi maklumat berdasarkan kajian berkaitan faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor dalam kajian ini. Pengkaji akan menggunakan borang soal selidik bagi mengumpul data tersebut.

### 3.4 Teknik pengumpulan data

Kaedah pengumpulan data merupakan salah satu kaedah yang akan digunakan pengkaji bagi memperoleh data-data yang tepat. Kaedah pengumpulan data terbahagai kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Oleh sebab itu, terdapat beberapa kaedah yang pengkaji akan menggunakan dalam penyelidikan pengkaji.

### 3.4.1 Data Primer

Data primer adalah data yang didapati secara terus daripada responden atau informan dengan menggunakan kaedah kajian yang telah ditentukan oleh pengkaji. Data primer digunakan sebagai tujuan kajian bagi mendapatkan info secara mendalam oleh pengkaji. Hua (2016) menerangkan data primer yang menunjukkan kepada data yang tiada dalam laporan atau rekod. Bagi pengumpulan data primer, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan kaedah tinjauan bagi kajian ini.

#### a) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah kaedah kajian yang digunakan bagi mengukur pembolehubah kajian. Pemerhatian merupakan cara yang ada bagi mengumpul maklumat selain daripada kaedah temu bual dan soal selidik. Disamping itu, kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua jenis pemerhatian, iaitu pemerhatian ikut serta dan bukan ikut serta (Zainudin, 2022).

Pemerhatian ikut serta adalah berlaku apabila pengkaji melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat yang bakal dikaji. Keباikan kaedah ini adalah pengkaji dapat melihat sendiri aktiviti sosial justeru itu menjadikan maklumat yang diperolehi lebih sahih. Jenis pemerhatian yang kedua ialah pemerhatian bukan peserta. Pemerhatian bukan ikut serta ialah pengkaji perlu memilih lokasi bagi membuat pemerhatian dengan lebih dekat tidak terlibat dengan aktiviti komuniti yang dikaji. Kaedah yang digunakan dalam pemerhatian ini seperti mengambil gambar, rakaman audio dan rakaman video. Pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian secara terus atau bukan peserta bagi memperolehi maklumat yang diperlukan.

#### b) Temu bual

Bagi temubual bersama pengunjung yang datang ke Bukit Jugra, pengkaji menggunakan kaedah temu bual yang semi berstruktur dengan membuat tema soalan utama sahaja, serta bagi soalan susulan adalah mengikut maklum balas daripada responden (K. P. Malaysia, 2012). Ketika sesi temubual dijalankan pengkaji akan menggunakan bantuan alatan teknologi contohnya telefon bagi merakam perbualan sekaligus untuk dijadikan bukti semasa pembentangan kajian.

#### c) Kajian Tinjauan (Survey)

Kajian tinjauan (survey) ini merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data-data kuantitatif yang dipungut melalui borang soal selidik. Data-data yang diperolehi ini daripada sampel rawak yang kemudiannya akan dianalisis dan dipersembahkan dengan statistik perihalan dan ujian signifikan. Keputusan dari ujian-ujian statistik berdasarkan penentuan pemboleh ubah, seterusnya pula akan memberikan kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji (Soo, 2011).

#### d) Teknik skala likert

Skala likert adalah penelitian yang digunakan untuk mengukur sikap dan juga pendapat. Dengan menggunakan teknik skala likert ini, responden akan diminta untuk melengkapkan borang soal selidik yang mengharuskan mereka untuk menunjukkan tahap persetujuan mereka terhadap item dari pertanyaan yang diberikan. Pertanyaan atau juga pernyataan yang digunakan untuk penelitian ini biasanya akan disebut dengan pemboleh ubah penelitian dan juga ditetapkan secara spesifik oleh peneliti (Kho, 2018).

### 3.4.2 Data Sekunder

Untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji mengumpulkan maklumat serta data berkaitan dengan pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor (faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti), melalui kaedah sekunder. Kaedah sekunder adalah kaedah yang dilakukan berdasarkan bahan bacaan, jurnal, bahan ilimiah, buku rujukan, keratan akhbar, dan juga contoh tesis.

#### I. Jurnal

Sebahagian maklumat dari jurnal yang berjaya dijumpai oleh pengkaji untuk memudahkan dijadikan sebagai contoh rujukan yang bermanfaat untuk menyelesaikan kajian ini. Sumber rujukan bermanfaat akan dijadikan sebagai rujukan disebabkan kebanyakan isi kandungannya boleh membantu menambah idea serta pengetahuan, serta ia juga dijadikan sebagai penentu mengenai matlamat yang ingin dibincangkan dalam kajian yang dilakukan.

#### II. Sumber internet

Bagi memudahkan untuk pencarian serta memperoleh sumber maklumat dengan mudah bantuan internet yang sering digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian. Pengkaji menggunakan alternatif sumber internet bagi mencari pelbagai maklumat yang sukar untuk menyelesaikan kajian yang dipilih. Maklumat dan data mengenai faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor dan juga sebagainya juga boleh didapatkan di laman web di carian Google. Antara laman web mudah bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dipilih adalah seperti Google Scholar, 'Research gate', Academia dan juga sebagainya. Kebanyakan dari maklumat yang

diperoleh dari carian Google tersebut mempunyai rujukan dan juga maklumat yang sahih dari para penulisnya.

### 3.5 Persampelan kajian

Persampelan kajian merupakan komponen yang penting dalam kajian bagi menentukan kajian yang dihasilkan boleh dipercayai dan juga mempunyai kualiti yang tersendiri. Pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian rawak mudah dalam kajian faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di Bukit Jugra, Selangor.

Persampelan adalah satu alternatif bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada responden (U.T. Malaysia, n,d). Persampelan jenis bukan kebarangkalian ini biasanya akan diguna pakai oleh pengkaji dalam penyelidikan bagi data kualitatif. Persampelan bukan kebarangkalian ini melibatkan pemilihan sampel daripada suatu populasi yang telah dikenalpasti berdasarkan dari kriteria yang telah ditetapkan. Bagi data kualitatif yang dikumpulkan, persampelan bola salji atau *snowball sampling* yang digunakan untuk mengumpul data-data tersebut. Persampelan ini akan digunakan apabila pengkaji tidak dapat memperoleh senarai subjek dalam populasi yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Dalam persampelan ini, pengkaji akan mengenalpasti sebilangan kecil subjek yang mempunyai ciri-ciri yang dihendaki untuk dikaji dan setelah subjek ditemui, subjek akan ditemu bual berdasarkan dari soalan yang telah disediakan (Pomizi Resources, 2017).

Persampelan yang digunakan oleh pengkaji adalah persampelan kebarangkalian rawak mudah (Jumrah, 2013). Kaedah persampelan ini dilakukan dengan menemu bual responden secara rawak. Kaedah persampelan kebarangkalian secara rawak yang membabitkan responden yang terpilih oleh pengkaji secara rawak



yang berada di sekitar Bukit Jugra, Selangor yang memiliki semua kriteria yang ada dalam populasi kajian (Zainudin, 2022). Borang soal selidik akan dijalankan dengan kaedah pansampelan kebarangkalian rawak mudah. Penentuan bagi persampelan ini digunakan jadual Krejcie & Morgan 1970, jadual ini digunakan berdasarkan dari jumlah keseluruhan populasi penduduk di sekitar Bukit Jugra, Selangor yang seramai dalam lebih kurang 3,395 penduduk yang ada di sekitar lokasi tersebut dan jumlah tersebut yang digunakan sebagai anggaran jumlah penduduk yang ada (*Portal Rasmi PDT Kuala Langat Agro-Tourism*, n.d.) . Jumlah tersebut kemudian akan dilihat di dalam jadual Krejcie & Morgan 1970 dan hasil dapatan jawapan borang soal selidik dilihat dari jumlah yang ada dalam jadual tersebut (Godden, 2004).

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

Note.—*N* is population size. *S* is sample size.

Source: Krejcie & Morgan, 1970

Jadual 3.1 : Jadual Krejcie & Morgan 1970

Sumber: Laman website (2022)

Selain itu, bagi kaedah kuantitatif juga akan menggunakan analisis deskriptif iaitu skala likert. Skala likert ialah skala penelitian yang digunakan bagi mengukur pendapat serta sikap. Dengan skala likert ini, responden akan diminta untuk melengkapkan borang soal selidik yang diberikan untuk menilai tahap persetujuan mereka terhadap persoalan yang diberikan (Kho, 2018). Berikut merupakan contoh skala likert yang digunakan.

No	Skor	Keterangan
1.	5	Sangat baik/sangat setuju
2.	4	Baik/Setuju
3.	3	Cukup Baik
4.	2	Tidak Baik/Tidak Setuju
5.	1	Sangat Tidak Baik

Setelah memperoleh hasil penilaian dari para ahli, maka skor yang diperoleh dihitung dengan menggunakan rumus. Menurut (Arifin, 2010: 137) sebagai berikut:

$$P = \frac{\Sigma R}{N} \times 100\%$$

Jadual 3.2 : Jadual Skala Likert

Sumber : Laman website (2022)

### 3.6 Instrumen kajian

Digunakan beberapa jenis instrumen untuk memudahkan penyelidikan kajian berjalan dengan lancar. Beberapa peralatan yang sesuai digunakan bagi menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Contoh peralatan digunakan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

a. Audio

Pengkaji menggunakan alatan teknologi seperti telefon bimbit atau perakam suara untuk merekod maklumat yang akan disampaikan oleh informan temubual untuk dijadikan sebagai bahan dan bukti semasa melaksanakan kajian ini.

b. Kertas dan Pen

Pengkaji turut menggunakan kertas dan pen bagi memudahkan pengkaji menulis maklumat mengenai data-data yang diperolehi mengenai warisan di Bandar Lama Diraja Jugra. Kertas dan pen tersebut akan digunakan sebagai kaedah tambahan semasa temubual untuk menambahkan lagi bukti atau maklumat daripada pihak responden yang ditemubual.

c. Borang soal selidik


Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada 241 orang responden yang akan dipilih secara rawak untuk menjawab soalan sekaligus membantu dalam menyalurkan maklumat untuk pengkaji menyelesaikan kajian.

### 3.7 Analisis data

Proses transformasi, pemodelan data, dan pembersihan bagi mendapatkan maklumat yang bagus dalam membuat keputusan perniagaan adalah takrifan analisis data. Tujuan bagi mengambil serta menyerap segala jenis maklumat yang baik dari data yang diterima dan membuat keputusan mengikut analisis data bagi memberikan hasil yang terbaik. Pengkaji menganalisis data mengikut teknik berikut. Rajah adalah langkah analisis data yang dilakukan dalam kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah tematik.

Proses bagi menganalisis data kualitatif, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mengumpulkan data yang diperolehi. Analisis tematik merupakan kaedah untuk menganalisis dan merekodkan corak dalam bentuk data. Analisis tematik ini sekaligus dapat menyusun dan menerangkan tentang set data yang ditafsirkan dengan lebih terperinci (Braun & Clarke, 2006). Cara dari analisis tematik ini merupakan kaedah yang sangat berkesan apabila melakukan penelitian untuk mengupas secara terperinci tentang data-data kualitatif yang telah dikumpulkan (Heriyanto, 2018).

Dalam menganalisis data kuantitatif, pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif. Analisis deskriptif adalah statistik yang digunakan untuk menganalisis data secara menterjemahkan data yang terkumpul hasil dari soal selidik yang diberikan (Muhson, 2022). Teknik analisis deskriptif yang akan digunakan oleh pengkaji ialah meletakkan data dalam bentuk jadual atau frekuensi. Melalui jadual ini, pengkaji akan mengetahui tentang hasil kajian sama ada kategori rendah, sedang atau tinggi dan pengkaji akan meletakkan juga peratusan min, mod dan median dalam analisis data bagi kaedah kuantitatif.



Rajah 3.1 : Proses Analisis Tematik

Sumber : (Braun & Clarke, 2006)

Rajah di atas menunjukkan proses analisis tematik yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data. Langkah yang pertama, pengkaji akan menganalisis semula soalan dan jawapan yang telah diberikan melalui borang soal selidik. Jawapan-jawapan dari soalan yang telah diberikan diteliti dan diambil isi pentingnya yang mudah untuk difahami.. Hal ini kerana untuk memudahkan urusan pengkaji dalam membuat kerja lapangan.

Langkah yang kedua, pengkaji perlu membaca semula hasil jawapan yang telah dipilih. Hal ini kerana, untuk mengenalpasti kata kunci atau idea yang telah diberikan oleh responden.

Langkah ketiga setelah menentukan dan menamakan tema, kemudian pengkaji perlu meletakkan kod dan tema yang sesuai atau menggariskan kata kunci yang penting supaya pengkaji mudah untuk membuat rujukan semula.

Langkah yang keempat setelah menggariskan ayat yang penting, pengkaji akan menentukan sama ada ayat tersebut berada di bawah objektif yang sesuai. Pengkaji perlu meneliti dan memastikan jawapan yang diberikan mempunyai kaitan dengan objektif yang diberikan melalui borang soal selidik. Kemudian, setelah disemak dan pembacaan semula, pengkaji akan menyusun dan meletakkan jawapan yang telah dijawab oleh responden di bawah tiga objektif yang telah digariskan iaitu aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal, pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti, dan juga cabaran terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor.

Langkah yang kelima adalah untuk menyemak dan memperhalusi semula jawapan mengikut objektif yang ditetapkan. Pengkaji perlu memastikan jawapan yang diberikan relevan dan mempunyai kaitan dengan tiga objektif yang telah disenaraikan

pada langkah keempat. Pada akhir langkah ini, pengkaji sudah boleh mengenalpasti dan yakin bahawa jawapan yang diberikan dapat memenuhi dapatan kajian pengkaji. Pengkaji juga akan membiasakan diri dengan data yang telah diperolehi.

Langkah yang keenam, setelah jawapan yang diberikan mengikut objektif yang ditentukan dan ayat telah disusun dengan baik dan kemudian langkah yang terakhir adalah menulis data yang diperolehi dalam laporan kajian sebagai dapatan kajian yang pengkaji dapati hasil dari kaedah kualitatif (temu bual) dan kaedah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan (borang soal selidik).

Setiap maklumat dan pengumpulan data yang telah dilakukan oleh pengkaji akan digabungkan dan pengkaji akan melihat sama ada mencapai objektif kajian atau tidak. Jika semua objektif pengkaji tercapai, maknanya semua usaha dan carian maklumat pengkaji berjaya.

### 3.8 Penutup

Berdasarkan kajian ini, pelbagai kaedah yang digunakan untuk teknik pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji. Melalui kajian yang telah dijalankan dijalankan, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih tenang dan terperinci berkaitan dengan faktor keterikatan tempat dengan penglibatan komuniti, serta pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti dan juga cabaran terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor yang dijadikan sebagai pusat pelancongan.

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkaitan dari hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji sewaktu melakukan proses mengumpulkan data yang dilakukan terhadap para responden yang terlibat bagi menjawab kepada objektif kajian. Segala jenis maklumat adalah data yang dikumpul melalui proses borang soal selidik. Dapatan kajian mengandungi maklumat serta data yang lengkap berkenaan Bukit Jugra, Selangor ini sebagai pusat pelancongan yang mana ia mempunyai faktor keterikatan tempat yang mempengaruhi penglibatan sebuah komuniti di kawasan tersebut. Dalam bab ini, pengkaji menganalisis data yang diperolehi daripada kajian lapangan dari semasa ke semasa. Segala data yang diperolehi adalah berdasarkan hasil borang soal selidik serta tinjauan menfokuskan kepada faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

4.1 Aspek keterikatan tempat dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

Aspek keterikatan di Bukit Jugra, Selangor adalah dari segi aktiviti yang dilakukan, beliau berkata Bukit Jugra ini merupakan lokasi pilihan penggemar aktiviti lasak ialah memanjat Bukit Jugra dan penerbangan di udara dengan paragliding sekaligus dapat menikmati keindahan alam semula jadi secara bersantai sambil menghirup udara segar (Rahman, 2018).

Selain itu juga, aspek keterikatan di Bukit Jugra, Selangor juga terdapat dari segi sejarahnya. Bukit Jugra kaya dengan kawasan bersejarah dan juga mempunyai sejarah yang tersendiri. Antara tempat bersejarah yang ada di Bukit Jugra ini seperti bekas pejabat daerah, rumah api jugra, balai polis dan penjara Jugra, Makam Almarhum Sultan Abdul Samad dan juga stor tempat simpan peluru (Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat, 2022a). Hal ini juga yang membuatkan pengunjung ingin datang ke Bukit Jugra, Selangor bagi melihat atau melawati tempat bersejarah tersebut dan mengetahui mengenai sejarah berkaitan Bukit Jugra, Selangor ini.

Di samping itu juga aspek keterikatan lain yang ada di Bukit Jugra, Selangor adalah dari segi fizikalnya. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor geografi di Bukit Jugra ini merupakan lokasi strategik untuk melakukan aktiviti sukan paragliding kerana di Bukit Jugra ini menyediakan sumber angin yang baik kepada juruterbang yang ingin bermain paragliding. Hal ini kerana, ramai peluncur yang datang daripada dalam dan juga luar negara ke Bukit Jugra pada hujung minggu untuk melakukan aktiviti ini. Manakala dari segi fizikalnya pula, terdapat pembinaan tempat ‘take off’ dan mendarat yang disediakan dan ianya juga telah menerapkan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian (Y. B. T. S. B. M. Sharif, 2014).

Pernyataan di atas juga disokong oleh salah seorang informan iaitu Cik Nur Hani Mohd Rudin dimana kebanyakan dari pengunjung yang datang ke Bukit Jugra adalah kerana aspek fizikalnya dari faktor geografi yang membuat pengunjung datang untuk melakukan aktiviti paragliding. Beliau mengatakan bahawa “saya tahu di Bukit Jugra mempunyai paragliding untuk menarik pelancong jadi saya ingin cuba untuk menaiki paragliding tersebut.” (Informan 3, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).



Pada umumnya, pengkaji bersetuju dengan pernyataan kajian lepas dan juga pernyataan yang telah dapat daripada informan tersebut. Hal ini kerana, hasil dari tinjauan dan juga pemerhatian yang telah dilakukan di Bukit Jugra, Selangor ianya kini merupakan salah satu warisan tidak ketara dan ia juga sering didatangi oleh pengunjung pada hujung minggu untuk melakukan aktiviti paragliding ini. Bukit Jugra ini juga merupakan sumber warisan semula jadi dimana turut menyumbang kepada pemandangan landskap semulajadi yang indah dari atas Bukit Jugra. Oleh sebab demikian, kajian ini cuba mengambil tahu di Bukit Jugra apakah aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal untuk mempengaruhi komuniti yang ada di Bukit Jugra, Selangor.

#### 4.1.1 Kegiatan yang lakukan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor.

Sementara itu, Jugra merupakan bandar warisan diraja yang memiliki banyak khazanah dan juga semula jadi. Harta warisan tersebut boleh diubah menjadi aset utama (Roslan et al., 2016). Di Bukit Jugra ini banyak aktiviti yang boleh dilakukan sebagai contoh boleh mendaki, beriadah, berjoging dan juga mencuba paragliding serta aktiviti rekreasi. Selain itu, ada juga yang mengatakan bahawa “sekiranya anda merancang percutian ke Selangor, anda boleh datang ke sini untuk mencuba berbagai jenis aktiviti seperti paragliding, hiking, melawat muzium, melawat makam sultan, pergi ke pantai dan banyak lagi” (Asla, 2022). Hal ini juga yang membuatkan pengunjung datang ke Bukit Jugra, Selangor.

Pernyataan di atas juga disokong oleh keempat-empat informan iaitu Puan Asmah Shoib, Cik Nur Aniessa Azman, Cik Nur Hani Mohd Rudin dan juga Cik Nur Hana Mohd Rudin, dimana kebanyakan dari mereka datang ke Bukit Jugra adalah kerana melakukan aktiviti berjoging, mendaki Bukit Jugra, dan juga mencuba paragliding.

Contohnya, informan 1 menyatakan bahawa “saya datang ke Bukit Jugra adalah untuk beriadah dan juga berjoging untuk mengeluarkan peluh dan dapat menjaga kesihatan.” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022). Selain daripada melakukan aktiviti riadah bagi menjaga kesihatan, ada juga yang datang ke Bukit Jugra ini untuk mendaki dan melihat pemandangan. Ada informan yang mengatakan bahawa “saya datang ke Bukit Jugra adalah untuk mendaki dan juga melihat pemandangan. Aktiviti yang biasa saya lakukan ketika di Bukit Jugra adalah berjoging dan mendaki.” (Informan 2, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022). Selain dari mendaki, Bukit Jugra terkenal dengan pemandangan yang indah dan juga boleh melakukan aktiviti extreme seperti menaiki paragliding.

Tambahan pula, di Bukit Jugra ini terdapat pemandangan yang indah. Hal ini juga merupakan salah satu daya tarikan yang menyebabkan pengunjung datang ke Bukit Jugra ini. Terdapat informan juga yang menyatakan bahawa “biasanya aktiviti yang saya buat adalah berjoging dan juga mengambil gambar di Bukit Jugra. Tarikan Bukit Jugra yang membuatkan saya ingin datang adalah terdapat pemandangan yang menarik untuk saya lawati...” (Informan 3, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022). Manakala, ada juga yang mengatakan selain melakukan aktiviti mendaki dan menaiki paragliding boleh melakukan aktiviti lain seperti berkelah sambil melihat pemandangan yang indah. Terdapat juga informan yang mengatakan bahawa “saya datang ke Bukit Jugra biasanya untuk melakukan aktiviti beriadah seperti berjoging kerana saya suka berjoging. Selain dari melakukan aktiviti berjoging saya juga makan-makan di atas Bukit Jugra itu.” (Informan 4, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).



Rajah 4.1: Laluan mendaki Bukit Jugra melalui jalan hutan

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.1 adalah salah satu laluan digunakan untuk aktiviti pendakian di Bukit Jugra. Laluan yang digunakan ini adalah laluan hutan dan ia agak mencabar kerana faktor struktur tanah di laluan hutan ini agak mencabar dan ianya sesuai bagi orang yang meminati aktiviti yang mencabar.



Rajah 4.2: Pemandangan di atas Bukit Jugra

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.2 pula adalah pemandangan dari atas puncak Bukit Jugra. Kebiasaannya, pengunjung yang sudah selalu mendaki akan mengambil gambar di atas Bukit Jugra ini kerana pemandangannya yang indah dan dapat melihat kawasan sekitar Kuala Langat.

Secara amnya, pengkaji bersetuju dengan kajian lepas dan juga kenyataan yang telah dapat dari informan tersebut. Hal ini adalah kerana, hasil dari tinjauan serta pemerhatian yang dilakukan, Bukit Jugra, Selangor ini merupakan salah satu warisan tidak ketara dan ia juga sering didatangi oleh pengunjung untuk melakukan aktiviti beriadah.

#### 4.1.2 Tarikan untuk datang ke Bukit Jugra, Selangor.

Bukit Jugra ini merupakan salah satu destinasi atas bukit yang mana ia menawarkan pemandangan yang menarik yang dapat dilihat dari puncak. Bukit Jugra ini juga berketinggian 400 kaki dan bukit ini juga ada pemandangan indah yang mengasyikkan jiwa pengunjung yang datang untuk mengambil gambar pemandangan. Selain itu juga, ada juga dilakukan sesi pengambilan gambar di papan tulisan *Jugra*. Hal ini disokong oleh pernyataan oleh salah seorang informan iaitu Cik Nur Hana Mohd Rudin, dimana beliau mengatakan bahawa jika beliau datang ke Bukit Jugra beliau mengambil gambar di papan tulisan *Jugra*. Beliau menyatakan bahawa “perkara yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra adalah sebab pemandangan sangat cantik dan boleh ambil gambar di board yang bertulisan *Jugra* dan juga boleh mengambil gambar di rumah api kerana ianya sangat cantik.” (Informan 4, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).



Rajah 4.3: Papan tulisan Jugra

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.3 adalah kawasan di sekitar papan tulisan *Jugra* dijadikan sebagai salah satu tempat untuk sesi pengambilan gambar bagi pengunjung yang datang ke Bukit Jugra. Di sekitar kawasan papan tulisan *Jugra* ini terdapat rumah api yang dijadikan untuk tempat mengambil gambar.

Selain itu juga, di Bukit Jugra ini juga mempunyai ada tarikan lain yang dapat menarik untuk datang ke sana contohnya terdapat juga aktiviti sambil dapat menghirup udara segar dari atas awan iaitu aktiviti paragliding. Aktiviti ini juga dapat menarik minat peminat dari dalam dan juga luar negara dari luar negara yang suka aktiviti lasak. Aktiviti paragliding sesuai dilakukan di Bukit Jugra kerana angin di kawasan bukit ini juga agak kuat dan keadaan kawasan bersesuaian. Pernyataan ini juga disokong oleh salah sorang informan iaitu Nur Hani Mohd Rudin, yang mana beliau juga berkata bahawa salah satu tarikan bagi Bukit Jugra ini adanya aktiviti paragliding, beliau menyatakan “saya tahu di Bukit Jugra mempunyai paragliding untuk menarik pelancong jadi saya ingin cuba untuk menaiki paragliding tersebut serta sejarah-sejarah yang ada di Bukit Jugra untuk menarik saya datang ke Bukit Jugra.” (Informan 3, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).



Rajah 4.4: Pemandangan orang menaiki paragliding

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.4 menunjukkan pemandangan di sekitar kawasan orang yang menaiki paragliding. Aktiviti paragliding sesuai dilakukan ketika angin di sekitar Bukit Jugra ini dalam keadaan baik dan anginnya kuat. Hal ini kerana jika angin tidak kuat aktiviti paragliding ini tidak akan dapat dilakukan.

Di samping itu, Bukit Jugra ini juga terkenal dengan keindahan asli dan juga sejarahnya yang menarik, dan ia juga dijadikan sebagai tempat rekreasi yang bagus untuk pelancong atau juga penduduk. Bukit Jugra ini juga sebuah tempat yang kaya dengan sejarah dan ianya dapat dilihat melalui peninggalan masa lampau yang masih terdapat di sana iaitu tinggalan pejabat daerah lama yang dahulunya pusat pentadbiran negeri Selangor. Pernyataan ini juga disokong oleh salah seorang informan, Puan Asmah Binti Shoib yang mana beliau mengatakan tarikan yang ada di Bukit Jugra ini salah satunya adalah sejarah berkaitan bukit ini.

Tarikan menarik yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra ini salah satunya adalah kerana sejarahnya, dan juga bagi orang yang meminati hal yang berkaitan sejarah terdapat juga kawasan-kawasan bersejarah yang ada di kawasan Bukit Jugra ini contohnya bekas pejabat daerah lama, ada juga Muzium Insitu Jugra.

(Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022)



Rajah 4.5: Tinggalan pejabat daerah lama

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.5 pula menunjukkan pemandangan tinggalan pejabat daerah lama. Tinggalan pejabat daerah lama ini dapat dilihat ketika ingin menaiki Bukit Jugra melalui laluan yang bertar dan tinggalan ini berada di tepi dalam perjalanan naik ke atas dan ia juga berhadapan dengan kubur cina. Pejabat daerah lama ini dahulunya digunakan sebagai pusat mentadbir di zaman pemerintahan Inggeris yang mana menguruskan mengenai hal kewangan serta undang-undang negeri.

4.2 Kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

Menurut (Relph, 1976), keterikatan bagi suatu tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti tidak akan dapat difahami tanpa mengambil kira tiga komponen utama bagi suatu tempat tersebut iaitu yang berkaitan dengan ciri atau bentuk fizikal, aktiviti, fungsi serta makna atau juga simbol. Aktiviti sukan lasak semakin digemari individu pelbagai peringkat usia, tambahan pula dengan banyak aktiviti dianjurkan membangkitkan semangat untuk menerokai rahsia alam. Pastinya, aktiviti lasak dapat

mengekalkan stamina, menguatkan diri dari segi mental dan fizikal serta meningkatkan kecergasan seseorang menjadi lebih aktif (Rahman, 2018). Pernyataan di atas juga disokong oleh salah seorang informan iaitu Nur Hani Mohd Rudin, yang mana beliau berkata pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti termasuklah dalam aktiviti yang dilakukan. Beliau juga menyatakan bahawa “perkara yang saya sering lakukan jika datang ke Bukit Jugra adalah berjoging ataupun juga beridah sambil melihat pemandangan.” (Informan 3, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).

Pada dasarnya, pengkaji juga bersetuju berkaitan kajian lepas dan juga pernyataan yang dari informan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil daripada tinjauan serta pemerhatian yang telah dilakukan, Bukit Jugra, Selangor ini merupakan salah satu warisan tidak ketara dan ia juga sering didatangi oleh pengunjung untuk melakukan aktiviti tetapi juga mengenal apakah itu simbol yang melambang Bukit Jugra yang mempengaruhi kepada sebuah penglibatan komuniti. Seterusnya, penglibatan masyarakat setempat sangat penting disebabkan mereka orang yang mempunyai kearifan tentang tempatan terutamanya ketika membabitkan sebuah warisan. Memupuk serta melibatkan mereka dalam perancangan serta pengurusan juga akan dapat memupuk rasa tanggungjawab yang lebih besar terhadap harta pusaka.

#### 4.2.1 Aktiviti yang lakukan di Bukit Jugra, Selangor.

Bukit Jugra juga merupakan salah pusat pelancongan yang ada di Kuala Langat, Selangor. Hal ini kerana di Bukit Jugra ini pengunjung datang pada hujung minggu untuk mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah dan juga aktiviti riadah boleh dilakukan bersama-sama keluarga dan rakan Aktiviti lasak juga akan dapat menguatkan diri dari segi mental dan juga fizikal serta akan dapat meningkatkan kecergasan seseorang untuk menjadi lebih aktif (Rahman, 2018). Aktiviti yang



biasanya akan dilakukan oleh pengunjung adalah mendaki bukit ini sambil mengambil gambar-gambar yang ada sekitar perjalanan menaiki bukit tersebut.

Pernyataan di atas juga disokong oleh salah seorang yang mana beliau berkata aktiviti yang sering beliau lakukan di Bukit Jugra adalah mendaki bukit dan mengambil gambar dan beliau bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti termasuklah dalam aktiviti yang dilakukan. Beliau menyatakan bahawa “aktiviti yang sering saya lakukan ketika di Bukit Jugra adalah mendaki Bukit Jugra, selain itu juga, aktiviti lain yang saya lakukan adalah mengambil gambar-gambar pemandangan, rumah api dan juga board bertulisan *Jugra*.” (Informan 2, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).




Rajah 4.6: Gambar di kawasan rumah api.

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.6 menunjukkan gambaran di sekitar kawasan di puncak Bukit Jugra. Gambar diambil di kawasan rumah api. Rumah api ni berada di atas bukit dan ianya berdekatan dengan board tulisan *Jugra*. Kawasan di atas bukit ini juga biasanya menjadi tempat untuk pengunjung mengambil gambar sebagai kenangan.

Selain itu juga, Bukit Jugra ini juga menjadi lokasi pilihan bagi penggemar aktiviti lasak contohnya mencuba untuk terbang di udara dengan paragliding sambil dapat melihat keindahan alam semula jadi. Selain dapat mencuba menaiki paragliding, di Bukit Jugra ini dapat melakukan aktiviti lain seperti melihat rumah api dan juga pangkalan TUDM. Pernyataan ini juga disokong oleh salah sorang informan, Puan Asmah Binti Shoib yang mana beliau mengatakan bahawa biasanya jika beliau datang ke Bukit Jugra beliau akan melihat-lihat rumah api dan pangkalan TUDM serta mengambil gambar dan melihat orang menaiki paragliding. Beliau juga menyatakan bahawa “saya akan mengambil gambar di sekitar Bukit Jugra sambil melihat orang yang menaiki paragliding. Selain itu, saya juga melihat rumah api dan juga terdapat pangkalan TUDM.” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).



Rajah 4.7: Gambar di hadapan pangkalan TUDM

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.7 pula menunjukkan gambar di sekitar kawasan di pangkalan TUDM. Pangkalan TUDM ini juga masih lagi digunakan sebagai tempat melakukan latihan menembak dan juga kawasan pangkalan TUDM ini berada di atas puncak Bukit Jugra.

#### 4.2.2 Perasaan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor.

Bukit Jugra ini terletak di Jugra, Kuala Langat Selangor yang mana ianya mempunyai keunikannya yang tersendiri. Di Bukit Jugra, Selangor ini selain memiliki pemandangan yang indah ia juga boleh dijadikan sebagai tempat untuk menghabiskan waktu lapang bagi pengemar yang meminati sukan extreme. Banyak faktor yang baik atau juga tidak yang menyebabkan pengunjung ingin datang ke Bukit Jugra ini. Terdapat juga faktor tarikan dan tolakan untuk pengunjung datang antaranya adalah untuk beriadah bagi mengisi masa lapang dan juga terdapat juga penyebab yang tidak bagus menyebabkan pengunjung jarang datang ke bukit ini contohnya terdapat haiwan liar di sekitar kawasan Bukit Jugra ini. Pernyataan ini juga disokong oleh empat-empat informan iaitu Puan Asmah Shoib, Cik Nur Aniessa Azman, Cik Nur Hani Mohd Rudin dan juga Cik Nur Hana Mohd Rudin, yang mana mereka berkata mereka gembira ketika berada di Bukit Jugra ini tetapi mereka juga jarang datang ke bukit ini terdapat haiwan liar yang berkeliaran di kawasan bukit ini.

Perasaan saya semasa berada di Bukit Jugra adalah saya berasa sangat seronok dan gembira sebab pemandangan dia yang cantik serta aktiviti yang ada di Bukit Jugra. Terkadang terdapat juga perkara yang membuatkan saya tidak ingin datang kerap ke Bukit Jugra ini adalah kerana banyak haiwan liar seperti monyet dan juga anjing.

(Informan 3, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022)



Rajah 4.8: Gambar anjing di kawasan jalan menaiki Bukit Jugra

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Rajah 4.8 adalah gambar anjing yang ada di kawasan jalan menaiki Bukit Jugra. Anjing yang berada di Bukit Jugra ini biasanya tidak akan mengganggu pengunjung yang datang dan ia akan hanya akan duduk di bawah kaki bukit sahaja.

#### 4.3 Data Demografi Responden

Bahagian ini mengenai data-data berkaitan latar belakang sosio demografi para responden yang telah terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Responden kajian juga terdiri daripada pengunjung dan juga penduduk sekitar kawasan di Bukit Jugra, Selangor. Seramai 251 orang responden terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, bangsa, umur dan juga negeri yang telah terlibat dalam kajian ini.

Negeri	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Kelantan	0	0
Kedah	7	2.8
Terengganu	3	1.2
Pahang	2	0.8
Perlis	7	2.8

Pulau Pinang	4	1.6
Perak	9	3.6
Negeri Sembilan	16	6.4
Wilayah Persekutuan	24	9.6
Selangor	156	62.2
Melaka	17	6.8
Johor	6	2.4
Sabah	0	0
Sarawak	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah	251	100

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Negeri

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Seramai 156 orang (62.2%) adalah terdiri daripada responden yang berasal dari Selangor, seramai 24 orang (9.6 %) daripada Wilayah Persekutuan, seramai 17 orang (6.8 %) daripada Melaka, seramai 16 orang (6.4%) adalah daripada Negeri Sembilan dan serta juga seramai 9 orang (3.6 %) dari Perak. Manakala seramai 7 orang (2.8 %) daripada Kedah dan juga Perlis, seramai 6 orang atau (2.4 %) dari Johor, 4 orang (1.6 %) orang pula dari Pulau Pinang, seramai 3 orang (1.2 %) dari Terengganu dan juga seramai 2 orang (0.8 %) pula adalah daripada Pahang.

Jantina	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Lelaki	57	22.7
Perempuan	194	77.3
Jumlah	251	100

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jadual 4.2, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada perempuan iaitu seramai 194 orang atau 77.3%, manakala seramai 57 orang atau 22.7% terdiri daripada responden lelaki. Bilangan ini dapat dilihat pada jadual 4.2.

Bangsa	Kekerapan (n)	Peratusan(%)
Melayu	176	70.1
Cina	48	19.1
India	26	10.4
Lain-lain	1	0.3
Jumlah	251	100

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jadual 4.3, majoriti responden yang banyak melibatkan diri dalam kajian ini adalah terdiri daripada bangsa melayu iaitu seramai 176 orang atau 70.1%. Seterusnya juga, diikuti oleh bangsa cina iaitu seramai 48 orang atau 19.1%, manakala seramai 26 orang responden atau 10.4% pula terdiri daripada bangsa india dan hanya berbaki 1 orang responden atau 0.3% terdiri daripada bangsa lain-lain.

Umur	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
13-18 Tahun	16	6.4
19-24 Tahun	123	49
25-35 Tahun	74	29.5
36-49 Tahun	17	6.8
50 dan keatas	21	8.4
Jumlah	251	100

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jadual 4.4 adalah bagi kategori umur responden yang bermula pada 13 tahun hingga 50 tahun keatas. Seramai 16 orang responden (6.4%) terdiri daripada kategori yang berumur 13 hingga 18 tahun, manakala seramai 123 orang responden (49%) pula mewakili bagi peringkat umur 19 hingga 24 tahun. Seramai 74 orang responden (29.5%) pula terdiri daripada 25 hingga 35 tahun dan seramai 17 orang (6.8%) pula

mewakili bagi peringkat 36 hingga 49 tahun. Akhir sekali, bagi peringkat umur responden 50 tahun dan keatas pula terdiri daripada 21 orang responden atau 8.4%.

Status	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Bujang	161	64.1
Berkahwin	90	35.9
Jumlah	251	100

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Status

Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jadual 4.5 pula menunjukkan kategori bagi status responden. Seramai 161 orang responden atau 64.1% terdiri daripada kategori status bujang yang mana majoriti terlibat dalam kajian ini, manakala seramai 90 orang responden atau 35.9% pula mewakili bagi status responden yang telah berkahwin.

Tahap Pendidikan	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Sekolah rendah	3	1.2
Sekolah menengah	74	29.5
Degree	73	29.1
Master	4	1.6
Phd	0	0
Diploma	94	37.5
Tiada pendidikan	3	1.2
Jumlah	251	100

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Sumber: (Kajian Lapangan)

Merujuk kepada jadual 4.6, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden yang berpendidikan diploma iaitu seramai 94 orang responden atau 37.5%. Seterusnya kedua tertinggi yang terlibat dalam kajian ini adalah responden yang berpendidikan sekolah menengah iaitu 74 orang responden (29.5%),

manakala seramai 73 orang responden atau 29.1% pula mewakili yang berpendidikan pada tahap degree. Responden kedua yang kurang menyertai kajian ini adalah dari responden berpendidikan master iaitu seramai 4 orang responden atau 1.6%. Akhir sekali, responden yang kurang menyertai kajian ini pula adalah dari peringkat sekolah rendah dan juga yang tiada pendidikan iaitu seramai 3 orang responden atau 1.2%.

Pekerjaan	Kekerapan (n)	Peratusan(%)
Bekerja sendiri	62	24.7
Tidak berekerja	84	33.5
Kerajaan	49	19.5
Swasta	56	22.3
Jumlah	251	100

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan


Sumber: (Kajian Lapangan 2022)

Jadual 4.7 pula menunjukkan kategori pekerjaan responden yang bekerja sendiri sehingga ke bekerja swasta. Seramai 62 orang responden (24.7%) terdiri daripada kategori responden yang bekerja sendiri, manakala seramai 84 orang responden atau 33.5% pula adalah kategori tertinggi iaitu kategori tidak bekerja. Seramai 49 orang responden atau 19.5% pula mewakili bagi kategori responden yang bekerja dalam kerajaan dan seramai 56 orang responden atau 22.3% pula adalah mewakili bagi responden yang bekerja di swasta.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.3.1 Kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.




Carta pai 4.1: Di Bukit Jugra mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai Rumah Api.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Melalui kajian ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra ini mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu di Bukit Jugra ada Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai rumah api. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh fizikal yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 206 orang responden atau 82.1%, manakala seramai 35 orang responden atau 13.9% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek fizikal di Bukit Jugra ini terdapat mercu tanda yang tersendiri iaitu Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai rumah api yang mejadi tarikan supaya


pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 9 orang responden atau 3.6% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra ini mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu di Bukit Jugra ada Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai rumah api. Terdapat juga seramai 1 orang responden atau 0.4% yang tidak setuju bahawa pengaruh fizikal yang ini memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti. Hal ini juga disokong oleh salah sorang informan iaitu Puan Asmah Binti Shoib, iaitu beliau berkata pengaruh keterikatan tempat ini adalah saya datang ke bukit ini untuk melihat rumah api, beliau menyatakan bahawa “selain itu, saya juga melihat rumah api...” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).



Carta pai 4.2: Di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)


Kajian ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh fizikal yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 213 orang responden atau 84.9%, manakala seramai 32 orang responden atau 12.7% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek fizikal di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 6 orang responden atau 2.4% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit.



Carta pai 4.3: Di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh fizikal yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 208 orang responden atau 82.9%, manakala seramai 38 orang responden atau 15.1% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek fizikal di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 5 orang responden atau 2% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra. Hal ini juga disokong oleh salah seorang informan temu bual, Cik Nur Hana Mohd Rudin dimana beliau juga bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat di Bukit Jugra ini adalah terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra. Beliau menyatakan bahawa “selain itu juga saya datang ke Bukit Jugra kerana sejarahnya, saya mengetahui sejarah di Bukit Jugra adalah terdapat istana lama dan juga terdapat Muzium Insitu Jugra jadinya kita boleh melawatinya.” (Informan 4, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).




Carta pai 4.4: Di atas Bukit Jugra juga terdapat sebuah tempat latihan untuk tentera pasukan khas TUDM.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di atas Bukit Jugra juga terdapat sebuah tempat latihan untuk tentera pasukan khas TUDM. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh fizikal yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 202 orang responden atau 80.5%, manakala seramai 40 orang responden atau 15.9% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek fizikal di atas Bukit Jugra juga terdapat sebuah tempat latihan untuk tentera pasukan khas TUDM yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 8 orang responden atau 3.2% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra. Terdapat juga seramai 1 orang

responden atau 0.4% yang tidak setuju bahawa pengaruh fizikal yang ini memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti. Pernyataan ini juga disokong oleh salah seorang informan iaitu Puan Asmah Binti Shoib, iaitu beliau berkata pengaruh keterikatan tempat ini adalah saya datang ke bukit ini juga kerana terdapat pangkalan TUDM. Beliau juga mengatakan bahawa “selain itu, saya juga datang kerana terdapat pangkalan TUDM.” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).



Carta pai 4.5: Di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama.


(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh fizikal yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 197 orang responden atau 78.5%, manakala seramai 52 orang responden atau 20.7% yang setuju

bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek fizikal di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama. yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 2 orang responden atau 0.8% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek fizikal iaitu di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama. Hal ini juga disokong oleh salah sorang informan, Puan Asmah Binti Shoib beliau berkata pengaruh keterikatan tempat ini adalah saya datang ke bukit ini juga kerana sejarahnya iaitu terdapat kawasan bersejarah seperti bekas pejabat lama.

Salah satu nya adalah kerana sejarahnya, dan juga bagi orang yang meminati hal yang berkaitan sejarah terdapat juga kawasan-kawasan bersejarah yang ada di kawasan Bukit Jugra ini contohnya bekas pejabat daerah lama, ada juga Muzium Insitu Jugra dan juga terdapat pelbagai lagi yang lain yang menarik.

(Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022)




Carta pai 4.6: Di Bukit Jugra juga terdapat aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Dari aspek aktiviti, kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra terdapat aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh aktiviti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 220 orang responden atau 88%, manakala seramai 26 orang responden atau 10% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti di Bukit Jugra juga terdapat aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 5 orang responden atau 2% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu di Bukit Jugra juga terdapat



aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara. Pernyataan ini juga disokong oleh salah seorang informan, Puan Asmah Binti Shoib beliau berkata pengaruh keterikatan tempat ini adalah saya datang ke bukit ini adalah ketika di atas bukit saya dapat melihat orang menaiki paragliding. Beliau menyatakan “ketika sudah berada di atas saya akan mengambil gambar di sekitar Bukit Jugra sambil melihat orang yang menaiki paragliding.” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).




Carta pai 4.7: Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh aktiviti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 96

orang responden atau 38.2%, manakala teramai responden yang menjawab ialah seramai 105 orang responden atau 41.8% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti di Bukit Jugra juga terdapat aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal yang menjadi tarikan supaya pengunjung datang ke sana. Selain itu juga, seramai 49 orang responden atau 19.5% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal. Terdapat juga seramai 1 orang responden atau 0.4% yang sangat tidak setuju bahawa pengaruh aktiviti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti.



Carta pai 4.8: Di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan.


(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan

seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan. Ramai yang sangat bersetuju bahawa pengaruh aktiviti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 206 orang responden atau 82.1%, manakala teramai responden yang menjawab ialah seramai 40 orang responden atau 15.9% yang setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan. Selain itu juga, seramai 4 orang responden atau 1.6% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan. Terdapat juga seramai 1 orang responden atau 0.4% yang tidak setuju bahawa pengaruh aktiviti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti. Hal ini juga disokong oleh salah seorang informan temu bual, Cik Nur Aniessa Azman dimana beliau bersetuju pengaruh keterikatan tempat di Bukit Jugra ini adalah boleh aktiviti seperti mendaki Bukit Jugra. Beliau menyatakan “aktiviti yang sering saya lakukan ketika di Bukit Jugra adalah mendaki Bukit Jugra.” (Informan 2, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN




Carta pai 4.9: Aktiviti berkelah juga ada dilakukan di kawasan di atas bukit sambil menikmati pemandangan

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu aktiviti berkelah juga ada dilakukan di kawasan di atas bukit sambil menikmati pemandangan. Ramai yang bersetuju bahawa pengaruh aktiviti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 116 orang responden (46.2%), manakala teramai responden yang menjawab ialah seramai 95 orang responden (37.8%) yang sangat bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan. Selain itu juga, seramai 38 orang responden (15.1%) menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu aktiviti berkelah juga ada dilakukan di kawasan di atas bukit sambil menikmati pemandangan. Seramai 2 orang responden (0.8%) yang tidak setuju bahawa pengaruh aktiviti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah

penglibatan komuniti. Hal ini juga disokong oleh salah seorang informan temu bual, Cik Nur Hana Mohd Rudin dimana beliau bersetuju pengaruh keterikatan tempat di Bukit Jugra ini adalah aktiviti berkelah juga boleh dilakukan di atas Bukit Jugra. Beliau menyatakan “selain dari melakukan aktiviti berjoging saya juga makan-makan di atas Bukit Jugra itu.” (Informan 4, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).




Carta pai 4.10: Di Bukit Jugra juga boleh dilakukan aktiviti drift trike bagi yang suka melakukan aktiviti yang mencabar.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu di Bukit Jugra juga boleh dilakukan aktiviti drift trike bagi yang suka melakukan aktiviti yang mencabar. Ramai yang sederhana setuju bahawa pengaruh aktiviti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 123 orang responden atau 49%, manakala seramai 54 orang responden atau 21.5% yang sangat bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar

boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan. Selain itu juga, seramai 44 orang responden atau 17.5% menjawab setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek aktiviti iaitu di Bukit Jugra juga boleh dilakukan aktiviti drift trike bagi yang suka melakukan aktiviti yang mencabar. Seramai 29 orang responden atau 11.6% yang tidak setuju bahawa pengaruh aktiviti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti dan juga terdapat 1 orang responden atau 0.4% yang menjawab sangat tidak setuju bahawa pengaruh aktiviti ini juga akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam penglibatan komuniti.




Carta pai 4.11: Di Bukit Jugra ini banyak memberikan kenangan untuk saya dan rakanrakan ketika di zaman kanak-kanak.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Selain itu, kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu di Bukit Jugra ini juga banyak memberikan kenangan untuk saya dan

rakan-rakan ketika di zaman kanak-kanak. Ramai yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 195 orang responden atau 77.7%, manakala teramai responden yang menjawab ialah seramai 47 orang responden atau 18.7% yang bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti iaitu di Bukit Jugra ini banyak memberikan kenangan untuk saya dan rakan-rakan ketika di zaman kanak-kanak. Selain itu juga, seramai 6 orang responden atau 2.4% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu di Bukit Jugra ini juga banyak memberikan kenangan untuk saya dan rakan-rakan ketika di zaman kanak-kanak. Seramai 3 orang responden atau 1.2% yang tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti.




Carta pai 4.12: Di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bermain ketika di zaman kanak-kanak.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bersama rakan-rakan bermain ketika di zaman kanak-kanak. Ramai yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 187 orang responden atau 74.5%, manakala seramai 44 orang responden atau 17.5% yang bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti iaitu di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bersama rakan-rakan bermain ketika di zaman kanak-kanak. Selain itu juga, seramai 13 orang responden atau 5.2% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bersama rakan-rakan bermain ketika di zaman kanak-kanak. Seramai 3 orang responden atau 1.2% yang tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti dan juga terdapat 4 orang responden atau 1.6% yang menjawab sangat tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini juga akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam penglibatan komuniti.






Carta pai 4.13: Warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)


Kajian yang dilakukan ini juga majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat. Ramai yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 112 orang responden atau 44.6%, manakala seramai 91 orang responden atau 36.3% yang bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti iaitu warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat. Selain itu juga, seramai 47 orang responden atau 18.7% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat. Seramai 1 orang responden atau 0.4% yang tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti.



Carta pai 4.14: Elemen warisan yang ada di sekitar Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)


Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu elemen warisan yang ada di sekitar kawasan Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan. Ramai juga yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 112 orang responden atau 44.6%, manakala seramai 94 orang responden atau 37.5% yang bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti iaitu elemen warisan yang ada di sekitar kawasan Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan. Selain itu, seramai 43 orang responden atau 17.1% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu elemen warisan yang ada di sekitar kawasan Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan. Seramai 2 orang responden atau 0.8% pula yang tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti.



Carta pai 4.15: Segala tinggalan warisan terdahulu yang ada di Bukit Jugra mempunyai nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu segala tinggalan warisan terdahulu yang ada di Bukit Jugra memiliki nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun. Ramai juga yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 115 orang responden atau 45.8%, manakala seramai 96 orang responden atau 38.2% yang bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti iaitu segala tinggalan warisan terdahulu yang ada di Bukit Jugra memiliki nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun. Di samping itu, seramai 39 orang responden atau 15.5% menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu segala tinggalan warisan terdahulu yang ada di Bukit Jugra memiliki nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun. Seramai 1 orang responden atau 0.4% pula yang tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti.




Carta pai 4.16: Bukit Jugra ini banyak memberikan makna yang tersendiri kepada diri saya kerana ia merupakan tempat dimana saya dibesarkan dan juga mempunyai kenangan yang pahit dan juga manis.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu Bukit Jugra ini banyak memberikan makna yang tersendiri kepada diri saya kerana ia merupakan tempat dimana saya dibesarkan dan juga mempunyai kenangan yang pahit dan juga manis. Ramai juga yang sangat setuju bahawa pengaruh identiti yang ini merupakan salah satu pengaruh dalam keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti iaitu seramai 131 orang responden (52.2%). Di samping itu juga, seramai 10 orang responden (4%) menjawab sederhana setuju bahawa pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di Bukit Jugra ini dalam aspek identiti iaitu Bukit Jugra ini banyak memberikan makna yang tersendiri kepada diri saya kerana ia merupakan tempat dimana saya dibesarkan dan juga mempunyai kenangan yang pahit dan juga manis. Seramai 1 orang responden (0.4%) pula sangat tidak setuju bahawa pengaruh identiti ini akan memberikan pengaruh kepada keterikatan tempat dalam sebuah penglibatan komuniti

#### 4.3.2 Cabaran terhadap keterikatan tempat di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.




Carta pai 4.17: Di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat membantu memberikan sumber 129 pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Cabaran terhadap keterikatan tempat di pusat pelancongan Bukit Jugra ini dari segi ekonomi, kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat iaitu di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat membantu memberikan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra, iaitu seramai 188 orang responden atau 74.9% dan kedua tertinggi ramai responden yang sangat setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 55 orang responden atau 21.9%. Di samping itu juga, terdapat responden yang tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 2 orang responden atau 0.8%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% yang sangat tidak setuju bahawa cabarannya iaitu di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat membantu memberikan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan

perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.18: Dengan adanya sistem pengurusan dari Majlis Perbandaran Kuala Langat memberikan kesan kepada peniaga kiosk yang menjual sekitar kaki Bukit Jugra.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden tidak setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek ekonomi iaitu dengan adanya sistem pengurusan dari Majlis Perbandaran Kuala Langat akan memberikan kesan kepada peniaga kiosk yang menjual sekitar kaki Bukit Jugra, iaitu seramai 102 orang responden atau 40.6% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang sangat tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 77 orang responden atau 30.7%. Selain itu, terdapat responden yang sangat setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 31 orang responden atau 12.4%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 17 orang responden atau 6.8% yang sederhana setuju bahawa cabarannya iaitu di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat

membantu memberikan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.19: Sumber pendapatan bagi penduduk di sekitar Bukit Jugra terjejas akibat sistem pengurusan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden tidak setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat iaitu sumber pendapatan bagi penduduk di sekitar Bukit Jugra terjejas akibat sistem pengurusan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat, iaitu seramai 106 orang responden atau 42.2% dan kedua tertinggi ramai responden yang sangat tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 78 orang responden atau 31.1%. Di samping itu juga, terdapat responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 25 orang responden atau 10%, manakala yang terendah pula terdapat 20 orang responden atau 8% yang sangat setuju bahawa cabarannya iaitu sumber pendapatan bagi penduduk di sekitar Bukit Jugra

terjejas akibat sistem pengurusan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat.




Carta pai 4.20: Penduduk tempatan dapat menambah pendapatan 130 mereka disebabkan pelancong yang datang memerlukan pemandu pelancong yang sudah mahir mengenai Bukit Jugra.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sederhana setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek ekonomi iaitu penduduk tempatan dapat menambah pendapatan mereka disebabkan pelancong yang datang memerlukan pemandu pelancong yang sudah mahir mengenai Bukit Jugra, iaitu seramai 165 orang responden atau 65.7% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang sangat setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 39 orang responden atau 15.5%. Selain itu, terdapat responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 35 orang responden atau 13.9%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 2 orang responden atau 0.8% sangat tidak setuju bahawa cabarannya iaitu penduduk tempatan



dapat menambah pendapatan mereka disebabkan pelancong yang datang memerlukan pemandu pelancong yang sudah mahir mengenai Bukit Jugra akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.21: Berlaku kecurianinggalan warisan yang ada di Bukit Jugra yang dilakukan oleh penduduk atau juga orang tidak bertanggungjawab.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek sosio budaya iaitu adanya berlaku kecurianinggalan warisan yang ada di Bukit Jugra yang dilakukan oleh penduduk atau juga orang tidak bertanggungjawab, iaitu seramai 173 orang responden atau 68.9% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 51 orang responden atau 20.3%. Selain itu juga, terdapat responden yang tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 4 orang responden atau 1.6%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju bahawa cabarannya iaitu berlaku kecurianinggalan warisan yang ada di Bukit Jugra yang

dilakukan oleh penduduk atau juga orang tidak bertanggungjawab akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.22: Berlaku vandalisme yang dilakukan oleh penduduk atau pelancong yang datang ke Bukit Jugra iaitu dengan membuang sampah merata-rata.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat adanya berlaku vandalisme yang dilakukan oleh penduduk atau pelancong yang datang ke Bukit Jugra iaitu dengan membuang sampah merata-rata, iaitu seramai 182 orang responden atau 72.5% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 52 orang responden atau 20.7%. Seterusnya, terdapat responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 15 orang responden atau 6%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju dan juga tidak bersetuju bahawa cabarannya iaitu berlakunya vandalisme yang dilakukan oleh penduduk atau

pelancong yang datang ke Bukit Jugra iaitu dengan membuang sampah merata-rata yang akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.23: Berlaku kerosakan terhadap kemudahan fasiliti yang telah disediakan seperti tandas awam yang ada di kaki Bukit Jugra iaitu kemudahan di tandas yang dirosakkan atau juga dining tandas yang discontent oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek sosio budaya iaitu berlaku kerosakan terhadap kemudahan fasilitis yang telah disediakan seperti tandas awam yang ada di kaki Bukit Jugra iaitu kemudahan di tandas yang dirosakkan atau juga dinding tandas yang diconteng oleh orang yang tidak bertanggungjawab, iaitu seramai 176 orang responden (70.1%) dan kedua yang tertinggi adalah ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 54 orang responden (21.5%). Selain itu juga, terdapat responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 17 orang responden (6.8%), manakala yang terendah pula terdapat seramai 2 orang responden

(0.8%) sangat tidak setuju dan tidak bersetuju bahawa cabarannya ialah berlaku kerosakan terhadap kemudahan fasilitis yang telah disediakan seperti tandas awam yang ada di kaki Bukit Jugra iaitu kemudahan di tandas yang dirosakkan atau juga dinding tandas yang diconteng oleh orang yang tidak bertanggungjawab. akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra. Hal ini juga disokong oleh salah seorang informan, beliau berkata bahawa beliau bersetuju cabaran terhadap keterikatan tempat ini adalah dari segi tandas kerana beliau berkata tandas yang dibawah berada dalam keadaan kotor. Beliau menyatakan “terdapat juga perkara lain yang membuatkan saya untuk tidak selalu datang adalah kerana tandas, sebab tiada tandas di atas Bukit Jugra dan juga tandas yang berada di bawah kotor.” (Informan 4, Kajian Lapangan, 10 Disember 2022).




Carta pai 4.24: Kerosakan yang berlaku di laluan hutan atau juga laluan tar yang telah disediakan akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat terdapat kerosakan yang berlaku di laluan hutan

atau juga laluan tar yang telah disediakan akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab, iaitu seramai 178 orang responden atau 70.8% dan juga kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 52 orang responden atau 20.7%. Di samping itu, terdapat responden yang tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 5 orang responden atau 2%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju bahawa cabarannya ialah kerosakan yang berlaku di laluan hutan atau juga laluan tar yang telah disediakan akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.25: Kebanyakan kemudahan awam seperti tempat duduk pengunjung dan tiang papan tanda telah diconteng dan cat dikikis terutamanya di kawasan Bukit Jugra.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek sosio budaya adalah kebanyakan kemudahan awam seperti tempat duduk pengunjung dan tiang papan tanda telah di

conteng dan cat nya dikikis terutamanya di kawasan Bukit Jugra., iaitu seramai 172 orang responden atau 68.5% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 54 orang responden atau 21.5%. Di samping itu, terdapat responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 21 orang responden atau 8.4%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju bahawa cabarannya ialah kebanyakan kemudahan awam seperti tempat duduk pengunjung dan tiang papan tanda telah di conteng dan cat nya dikikis terutamanya di kawasan Bukit Jugra. akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.26: Pengaruh penggunaan bahasa yang berlainan digunakan oleh penduduk setempat dengan pelancong yang datang ketika berkomunikasi

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini majoriti responden sederhana setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat terdapat pengaruh penggunaan bahasa yang berlainan digunakan oleh penduduk setempat dengan pelancong yang datang ketika

berkomunikasi., iaitu seramai 180 orang responden atau 71.7% dan juga kedua yang tertinggi ramai responden yang sangat setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 34 orang responden atau 13.5%. Di samping itu, terdapat responden yang tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 12 orang responden atau 4.8%, manakala yang terendah pula terdapat 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju bahawa cabarannya ialah pengaruh penggunaan bahasa yang berlainan digunakan oleh penduduk setempat dengan pelancong yang datang ketika berkomunikasi akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.27: Pagar di sekeliling bangunan Pejabat Lama Daerah Kuala Langat telah rosak mungkin disebabkan oleh binatang liar ataupun pengunjung yang tidak bertanggungjawab.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek sosio budaya iaitu pagar di sekeliling bangunan pejabat lama Daerah Kuala Langat telah rosak mungkin disebabkan oleh

binatang liar atau pun pengunjung yang tidak bertanggungjawab, iaitu seramai 167 orang responden atau 66.5 % dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 67 orang responden atau 26.7%. Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 15 orang responden atau 6%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju dan tidak bersetuju bahawa cabarannya iaitu pagar di sekeliling bangunan pejabat lama daerah Kuala Langat telah rosak mungkin disebabkan oleh binatang liar atau pun pengunjung yang tidak bertanggungjawab akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.28: Tiada kemudahan khusus yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat di kaki Bukit Jugra seperti kemudahan surau dan tandas awam yang elok dan bersih.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden tidak setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek pengurusan pula adalah tiada kemudahan khusus yang



disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat di kaki Bukit Jugra seperti kemudahan surau dan tandas awam yang elok dan bersih, iaitu seramai 105 orang responden atau 41.8 % dan kedua yang tertinggi ramai responden yang sangat tidak setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 73 orang responden atau 29.1%. Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 29 orang responden atau 11.6%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 20 orang responden atau 8% setuju bahawa cabarannya iaitu tiada kemudahan khusus yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat di kaki Bukit Jugra seperti kemudahan surau dan tandas awam yang elok dan bersih yang akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.




Carta pai 4.29: Di Bukit Jugra juga tidak disediakan tempat khusus untuk meletakkan kenderaan.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat ini adalah di Bukit Jugra juga tidak disediakan tempat khusus untuk

meletakkan kenderaan, iaitu seramai 182 orang responden atau 72% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 45 orang responden atau 18%. Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 17 orang responden atau 7%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 3 orang responden atau 1% tidak setuju bahawa cabarannya iaitu di Bukit Jugra juga tidak disediakan tempat khusus untuk meletakkan kenderaan yang akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra. Hal ini juga disokong oleh salah seorang informan temu bual, Puan Asmah Binti Shoib dimana beliau berkata bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari segi pengurusan adalah tiada parking kenderaan disediakan. Beliau menyatakan “..terkadang yang membuatkan saya tidak ingin datang ke sana adalah kerana parking kereta yang disediakan tidak mencukupi.” (Informan 1, Kajian Lapangan, 7 Disember 2022).



Carta pai 4.30: Terdapat banyak monyet dan juga anjing yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan yang agak mengganggu ketenteraman pelancong yang datang.


(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari aspek pengurusan iaitu terdapat banyak monyet dan juga anjing

yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan yang agak mengganggu ketenteraman pelancong yang datang, iaitu seramai 194 orang responden (77.3 %) dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 46 orang responden (18.3%). Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 9 orang responden (3.6%), manakala yang terendah pula terdapat seramai 1 orang responden (0.4%) sangat tidak setuju dan tidak bersetuju bahawa cabarannya terdapat banyak monyet dan juga anjing yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan yang agak mengganggu ketenteraman pelancong yang datang akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra. Hal ini juga telah disokong oleh dua orang informan temu bual iaitu Puan Asmah Binti Shoib dan Cik Nur Hani Mohd Rudin, dimana mereka berkata bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari segi pengurusan adalah terdapat banyak monyet dan juga anjing yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan. Mereka menyatakan “terkadang terdapat juga perkara yang membuatkan saya tidak ingin datang kerap ke Bukit Jugra ini adalah kerana banyak haiwan liar seperti monyet dan juga anjing.” (Informan 1&3, Kajian Lapangan, 7&10 Disember 2022).

UNIVERSITI  
MALAYSIA


KELANTAN



Carta pai 4.31: Terdapat banyak juga monyet yang agresif sepanjang perjalanan menaiki Bukit Jugra yang akan mengganggu pengunjung yang datang dengan membawa makanan.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat terdapat banyak juga monyet yang agresif sepanjang perjalanan menaiki Bukit Jugra yang akan mengganggu pengunjung yang datang dengan membawa makanan, iaitu seramai 197 orang responden atau 78.5% dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 42 orang responden atau 16.7%. Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 11 orang responden atau 4.4%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 1 orang responden atau 0.4% tidak setuju bahawa cabarannya iaitu terdapat banyak juga monyet yang agresif sepanjang perjalanan menaiki Bukit Jugra yang akan mengganggu pengunjung yang datang dengan membawa makanan akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.



Carta Pai 4.32: Kawasan persekitaran Bukit Jugra tidak diselenggara dengan baik, didapati banyak sampah berselerakan di merata tempat.

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

Kajian yang dilakukan ini majoriti responden sangat setuju bahawa cabaran terhadap keterikatan tempat dari pengurusan iaitu kawasan persekitaran Bukit Jugra tidak diselenggara dengan baik, didapati banyak sampah berselerakan di merata tempat, iaitu seramai 170 orang responden atau 67.7 % dan kedua yang tertinggi ramai responden yang setuju bahawa cabaran ini akan memberi pengaruh terhadap keterikatan tempat iaitu seramai 53 orang responden atau 21.1%. Di samping itu, terdapat juga responden yang sederhana setuju bahawa cabaran ini akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat, iaitu seramai 22 orang responden atau 8.8%, manakala yang terendah pula terdapat seramai 1 orang responden atau 0.4% sangat tidak setuju bahawa cabarannya iaitu di kawasan persekitaran Bukit Jugra tidak diselenggara dengan baik, didapati banyak sampah berselerakan di merata tempat akan memberi kesan terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra.

#### 4.4 Penutup

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih tenang dan terperinci berkaitan dengan faktor keterikatan tempat dengan penglibatan komuniti, serta pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti dan juga cabaran terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor yang dijadikan sebagai pusat pelancongan. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini mengikut dari kajian lapangan dilakukan di sekitar Bukit Jugra. Kajian ini dijalankan bagi memastikan data yang diperoleh dari kajian ini sah dan dapat menjawab kesemua objektif yang dikaji.

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan serta merumuskan hasil dapatan kajian yang diperolehi serta yang telah menjawab bagi persoalan kajian yang telah dibuat. Perbincangan tersebut juga menyentuh berkaitan keseluruhan topik yang dapat dilihat oleh pengkaji dimana ia juga terdapat bahagian-bahagian yang saling berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan juga cadangan yang perlu diketengahkan melalui dari kajian ini. Hasil dari dapatan kajian ini juga dapat memperoleh cadangan untuk pihak yang berkait bagi tujuan pihak bertanggungjawab menambahbaikkan dari pelbagai segi yang berkaitan pusat pelancongan dengan Bukit Jugra, Selangor. Hal ini agar pihak yang terbabit perlu mengambil pendekatan serta juga inisiatif bagi memelihara serta memulihara Bukit Jugra, Selangor ini.

#### 5.1 Perbincangan

Perbincangan mengenai bab satu dalam kajian ini mengupas mengenai latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian. Latar belakang pengkaji menetapkan di Bukit Jugra, Selangor. Permasalahan dalam penyelidikan ini dapat dikenal pasti bahawa faktor keterikatan tempat dari segi aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal akan memberikan pengaruh dalam penglibatan komuniti setempat di kawasan Bukit Jugra, Selangor ini sebagai pusat pelancongan.

Pada bab dua pula, pengkaji dapat mengumpul fakta serta kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik lain untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji. Tambahan pula, berdasarkan kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah Bukit Jugra, pelancongan, pelancongan warisan, pelancongan di Malaysia, komuniti di

Bukit Jugra dan potensi ekonomi pelancongan di Bukit Jugra sangat membantu pengkaji dari cara mengolah hasil dapatan kajian serta mendapat sokongan kajian lepas sama ada dari segi membuat perbandingan atau juga untuk mencari masalah atau isu kajian serta untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada pengkaji berkenaan tajuk yang ingin di kaji.

Seterusnya, bagi bab tiga pula adalah melalui metodologi kajian yang ditentukan dan juga dipilih oleh pengkaji bagi digunakan dalam kajian ini untuk menentukan teknik mengumpul data. Pengurusan serta pemilihan kaedah penyelidikan yang sesuai dengan kajian akan dapat membantu pengkaji dalam memperoleh dapatan kajian yang jelas dengan proses yang sistematik.

Akhirnya, bab empat pula membincangkan mengenai analisis data yang telah diperolehi daripada objektif kajian yang telah dikenalpasti. Di dalam bab ini juga pengkaji membincangkan maklumat secara lebih terperinci mengenai aspek keterikatan tempatan di Bukit Jugra, Selangor ini dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal, pengaruh keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti dan juga cabaran terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra. Akhir sekali, huraian dan juga penjelasan mengenai perbincangan dan juga rumusan kajian bagi keseluruhan bab yang telah dijelaskan secara lebih ringkas mengenai pusat pelancongan Bukit Jugra akan memberikan pengaruh penglibatan komuniti dari segi faktor keterikatan tempat. Kajian yang dijalankan ini akan diharapkan dapat memberikan maklumat kepada generasi yang akan datang mengenai pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor supaya semakin berkembang dalam aspek pelancongan.



## 5.2 Rumusan

Rumusan ialah satu kesimpulan yang menyimpulkan atau juga penutup kepada sesuatu kajian itu. Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai faktor keterikatan tempat dalam mempengaruhi penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

Negeri Selangor ini juga terkenal dengan daya tarikan pelancongannya yang tersendiri. Ianya juga lengkap dengan merangkumi dari aspek budaya tempatan, kehijauan alam sekitar yang dilindungi, kepelbagaian dalam budaya dan juga hidangan. Negeri Selangor ini juga kaya dengan kepelbagaian jenis pusat pelancongan yang ada untuk dilawati. Di samping itu, di Selangor juga mempunyai beberapa tempat bersejarah yang boleh untuk dikunjungi antaranya tempat bersejarah di daerah Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan juga Hulu Langat. Salah satu pusat pelancongan di daerah Kuala Langat adalah Bukit Jugra. Bukit Jugra ini merupakan salah satu tempat yang boleh untuk dikunjungi sekiranya ingin melakukan aktiviti yang lasak seperti mendaki atau juga menaiki paragliding.

Faktor bagi keterikatan suatu tempat adalah dapat mempengaruhi penglibatan sebuah komuniti bagi sebuah program atau aktiviti. Keterikatan bagi suatu tempat bagi mempengaruhi penglibatan komuniti tidak akan dapat difahami dengan mudah tanpa mengambil kira tiga komponen utama yang perlu ada di suatu tempat tersebut iaitu faktor dari segi fizikal, aktiviti, fungsi serta makna dan juga simbol.

### 5.3 Cadangan

Kajian yang telah dilaksanakan ini akan memberikan gambaran bahawa Bukit Jugra ini salah satu warisan yang perlu untuk kita pelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan dari kajian yang telah dilakukan ini telah membuktikan bahawa ramai masyarakat di sekitar Bukit Jugra bersetuju bahawa faktor keterikatan tempat akan dapat memberikan pengaruh kepada sebuah penglibatan komuniti dalam aktiviti yang dilakukan di Bukit Jugra. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memberikan beberapa cadangan bagi memelihara Bukit Jugra, Selangor ini.

Cadangan pertama adalah perlu meneliti semula kawasan kajian dengan terperinci serta merangka berbagai aktiviti yang bersesuaian dengan masyarakat bagi menarik minat pengunjung untuk datang dan juga akan dapat membantu dalam mempromosikan warisan yang ada di Bukit Jugra tersebut. Hal ini kerana jika aktiviti yang anjurkan bersesuaian akan dapat menarik pengunjung dapat sebagai aktiviti mengisi masa lapang contohnya melakukan aktiviti bersenam atau berzumba sebagai pemanasan sebelum mendaki Bukit Jugra ini.

Selain itu, cadangan lain yang perlu dilakukan untuk melibatkan komuniti supaya sering datang berkunjung ke Bukit Jugra adalah memelihara perkara yang menjadi tarikan utama untuk pengunjung datang adalah salah satunya board tulisan Jugra. Hal ini kerana board bertulisan Jugra ini merupakan salah satu daya tarikan kepada pengunjung untuk datang selain dari menaiki paragliding, melihat rumah api dan lain lagi. Kebiasanya pengunjung yang datang ke Bukit Jugra ini selain ingin menyihatkan tubuh badan mereka juga akan mengambil gambar sebagai kenangan.

Di samping itu juga, hasil dari kajian mendapati bahawa kemudahan fasiliti di Bukit Jugra masih perlu dinaiktarafkan lagi dari segi kemudahan tandas dan juga tempat letak kereta. Hal ini adalah kerana segelintir masyarakat di kawasan Bukit Jugra ini mengatakan bahawa tandas yang disediakan tidak diuruskan dengan baik dan tandas tersebut terkadang kotor dan membuatkan pengunjung yang datang tidak selesa ketika ingin ke tandas. Selain itu, masyarakat juga mengatakan bahawa tempat letak kenderaan yang disediakan tidak mencukupi kerana jika menjelang hujung minggu ramai pengunjung yang datang dan tempat letak kenderaan tidak mencukupi menyebabkan pengunjung harus meletakkan kenderaan mereka ditepi jalan utama dan ia terkadang menyebabkan kenderaan lain yang datang susah untuk melalui jalan tersebut.

#### 5.4 Penutup

Bab ini membincangkan mengenai hasil dari penemuan dalam kajian yang telah dijalankan dan juga kesesuaian dalam jawapan yang berikan kepada setiap objektif yang telah dinyatakan. Oleh kerana itu, pengkaji berharap kajian ini akan dapat memberitahu bahawa Bukit Jugra ini merupakan salah satu pusat pelancongan yang perlu dikembangkan lagi samada dari segi faktor keterikatan tempat nya supaya akan dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung untuk datang ke Bukit Jugra, Selangor ini. Selain itu, kajian ini juga diharapkan akan dapat menyedarkan komuniti setempat yang ada di Bukit Jugra ini supaya menghargai akan warisan yang ada di Bukit Jugra ini. Di samping itu juga, komuniti setempat juga perlu memelihara kawasan Bukit Jugra ini kerana jika ia tidak dijaga dengan baik kawasan ini kelamaan akan semakin terhakis. Hal ini juga kerana masa pada kini laluan mendaki melalui jalan hutan semakin sukar kerana terjadi hakisan tanah akibat penebangan pokok di sekitar lereng bukit tersebut.

## RUJUKAN

- Ab Hamid, N. (n.d.). Kajian fonetik varian Kelanang: dialek Melayu Jugra Selangor (Kelanang variant fonetic study: Malay Jugra dialect of Selangor) (Vol. 16, Issue 2).
- Abdul Razak, N. (2006). Pelancongan warisan: Satu tinjauan global.
- Ahmad, M. Z., Zakaria, N., & Ibrahim, J. A. (2014). (DOC) Pelancongan Warisan dan Penerapan Konsep Pelancongan Lestari dalam Pemuliharaan \_ Khazanah \_ Negara\_ Satu Diskusi \_ Mohamad Zaki Ahmad and Johan Afendi Ibrahim - Academia.  
[https://www.academia.edu/35484403/Pelancongan\\_Warisan\\_dan\\_Penerapan\\_Konsep\\_Pelancongan\\_Lestari\\_dalam\\_Pemuliharaan\\_Khazanah\\_Negara\\_Satu\\_Diskusi](https://www.academia.edu/35484403/Pelancongan_Warisan_dan_Penerapan_Konsep_Pelancongan_Lestari_dalam_Pemuliharaan_Khazanah_Negara_Satu_Diskusi)
- Antono, A. (n.d.). Kebudayaan Suku Nias yang Paling Fenomenal - IlmuSeni.com.  
<https://ilmuseni.com/seni-budaya/kebudayaan-suku-nias>
- Arkeo, D. P. (2015). Prospek Pembangunan Pelancongan Warisan Di Bukit Jugra. January.
- Asla, K. (2022). Bukit Jugra\_ Aktiviti Menarik Di Sekitar - Ammboi.  
<https://ammboi.my/bukit-jugra/>
- Bakri, A. F., Yusuf, N. A., & Jaini, N. (2012a). Managing Heritage Assets: Issues, Challenges and the Future of Historic Bukit Jugra, Selangor. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 68, 341–352.  
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.232>
- Bakri, A. F., Yusuf, N. A., & Jaini, N. (2012b). Managing Heritage Assets: Issues, Challenges and the Future of Historic Bukit Jugra, Selangor. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 68, 341–352.  
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.232>
- Blog Abdi. (2009). Blog abdi: Teori Semiotik.  
<http://junaedi2008.blogspot.com/2009/01/teori-semiotik.html>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative*

- Research in Psychology, 3(2), 77–101.  
<https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Britannica. (n.d.). Leadership-and-social-control.  
<file:///C:/Users/User/Downloads/Leadership-and-social-control.htm>
- Cari Destinasi. (2021). Tempat Menarik di Kuala Langat - Panduan Bercuti & Melancong. <https://www.caridestinasi.com/tempat-menarik-di-kuala-langat/>
- Danish, M. (n.d.). Kerja Kursus Sejarah Muhammad Danish.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/KERJA KURSUS SEJARAH MUHAMMAD DANISH.html](file:///C:/Users/User/Downloads/KERJA_KURSUS_SEJARAH_MUHAMMAD_DANISH.html)
- Di. (n.d.). Istana Bandar.
- Ghazali, S. N. (1996). Metodologi Penyelidikan.  
[http://studentsrepo.um.edu.my/1191/6/BAB\\_3.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/1191/6/BAB_3.pdf)
- Godden. (2004). Sample Size Determination Using Krejcie and Morgan Table - KENPRO (pp. 81–83).
- Haidi, M., Kasran, M., Harun, R., Hairul, M., Mohd, I., & Abstrak, K. (2021). Tinggalan Warisan monumen di Kota Melawati: satu penilaian semula (Monument Heritage Remainder in Kota Melawati: a review). 34(2), 113–128.
- Hamid, N. A., Ramli, N., & Makhtar, R. (2019). Inventori vokal dan diftong dialek melayu Jugra varian Permatang Pasir.
- Heriyanto. (2018). Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data. Anuva, 2(3), 317–324.
- Ibrahim, Y. (2001). Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Nelayan di Pulau Redang. Akademika, 95–116.
- Ibrahim, Y. (2007). Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir? Akademika, 70, 57–76.  
<http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>
- Izdan. (2021). Jugra\_ Bandar Warisan Sejarah – yöüng\_blo0\_Đ.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra\\_ Bandar Warisan Sejarah – yöüng\\_blo0\\_Đ.html%0D](file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra_Bandar Warisan Sejarah – yöüng_blo0_Đ.html%0D)

- Kamus Dewan dan Pustaka. (2017). Carian Umum. In Dewan Bahasa Dan Pustaka.  
<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ihsan>
- Kho, D. (2018). Pengertian Skala Likert dan Cara Menggunakan Skala Likert. In Teknik Elektronika. [file:///C:/Users/User/Downloads/Pengertian Skala Likert dan Cara Menggunakan Skala Likert.html](file:///C:/Users/User/Downloads/Pengertian%20Skala%20Likert%20dan%20Cara%20Menggunakan%20Skala%20Likert.html)
- Lewicka, M. (2011). Place attachment: How far have we come in the last 40 years? | Elsevier Enhanced Reader.  
<https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S0272494410000861?token=C14FB5B6B3084A6FA2CE220AE3E04D8012138987F426E595531C5BAB562BA86BE001AB449981A0CD0633207897AC3742>
- Mai Singgah. (2022). 17 Tempat Menarik Di Banting (2022) \_ Destinasi Percutian Singkat Hujung Minggu. <https://www.maisinggah.com/tempat-menarik-di-banting/>
- Malaysia, L. of. (2006). Akta Warisan Kebangsaan 2005. ReVision, 83.
- Mapbox. (n.d.). Jugra Hill Map - Selangor, Malaysia - Mapcarta.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra Hill Map - Selangor, Malaysia - Mapcarta.html%0D](file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra%20Hill%20Map%20-%20Selangor,%20Malaysia%20-%20Mapcarta.html%0D)
- Md Zain, M., Baniyamin, N., & Jahn Kassim, S. (2021). Linking Historical Urban Landscape, National Identity and Edutainment in a Tourist Heritage site: The Case of Jugra, Malaysia Malay Settlement to Malay Urbanism Development, Characterization and Modelling of Architectural and Urban Design Principles for t. <https://www.researchgate.net/publication/357205481>
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim, & Hood Mohd Salleh. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai Destinasi Pelancongan Warisan : Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari. In Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke III (PERKEM III), Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar dan Strategi Pengukuhan (Vol. 1, pp. 401–413).  
[file:///C:/Users/User/Downloads/Membangunkan Kuala Kedah sebagai Destinasi Pelancongan Warisan\\_ Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari \\_ Mohamad Zaki Ahmad - Academia.edu.html%0D](file:///C:/Users/User/Downloads/Membangunkan%20Kuala%20Kedah%20sebagai%20Destinasi%20Pelancongan%20Warisan_%20Penerapan%20Konsep%20Pembangunan%20Pelancongan%20Lestari_%20Mohamad%20Zaki%20Ahmad%20-%20Academia.edu.html%0D)

- Mohd Islah. (2010). Bab 3: Metodologi Penyelidikan. International Institute for Environment and Development, 07/80(2), 125.  
<https://arxiv.org/pdf/1707.06526.pdf><https://www.yrpri.org><http://weekly.cnbnews.com/news/article.html?no=124000><https://www.fordfoundation.org/>[http://bibliotecavirtual.clacso.org.ar/Republica\\_Dominicana/ccp/20120731051903/prep](http://bibliotecavirtual.clacso.org.ar/Republica_Dominicana/ccp/20120731051903/prep)<http://webpc.cia>
- MOON, O. (2005). Hahoe: The Appropriation and Marketing of Local Cultural Heritage in Korea. *Asian Anthropology*, 4(1), 1–28.  
<https://doi.org/10.1080/1683478x.2005.10552549>
- Muhson, A. (2022). Teknik Analisis Kuantitatif.
- Mumad Chelaeh, Aman, R., Hamid, S. A., Nazihah Najwa Othaman, Suhailah Ruslan, Nooraniza Abu Bakar, Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil, & Miss Deela Sinur. (2017). Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: Penelitian fonologi Struktural (Discovery of linguistic features in Jugra dialect: Structural Phonology Analysis). In *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities* (Vol. 12, Issue 3, pp. 339–367).
- Muzium, J. (2020). Permuziuman | Jabatan Muzium Malaysia.  
<http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>
- Negara, J. W. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. 1–57.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman., Zuliskandar Ramli., Mohd Samsudin., Mohd Tarmizi Hasrah., Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia., & Universiti Kebangsaan Malaysia. Institut Alam dan Tamadun Melayu. (2013). Arkeologi, sejarah dan budaya : Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu : Bilik Senat & Bilik Majlis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 26-27 November 2013.
- Niranjan Banik, Adam Koesoemadinata, Charles Wagner, Charles Inyang, H. B. (2013a). Keterikatan tempat pada promenad tebing sungai di Malaysia.  
<https://doi.org/10.1190/segam2013-0137.1>
- Niranjan Banik, Adam Koesoemadinata, Charles Wagner, Charles Inyang, H. B. (2013b). Keterikatan tempat pada promenas tebing sungai di Malaysia.

<https://doi.org/10.1190/segam2013-0137.1>

Noorjannah Adam, & Adnan Jusoh. (2018). Sepanjang Tempoh Pemerintahan Sultan Abdul Samad Di Jugra , 1857-1898 . 31(2), 17–28.

NS Tourism, O. & S. (NSTOS). (2021). Bukit Jugra, Banting, Selangor.  
<https://nstos.blogspot.com/2021/02/bukit-jugra-banting-selangor.html>

Nurhijrah. (2015). Kerangka Penelitian Place Attachment pada Tempat-tempat Bernilai Budaya. Temu Ilmiah IPLBI, 89.

Paper, C. (2015). Konseptualisasi pelancongan semiotik dalam pembangunan pelancongan warisan: kajian kes di Jugra, Selangor. November.

Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat. (2022a). Portal Rasmi PDT Kuala Langat Profil Kuala Langat. In Ww2.Selangor.Gov.My.  
<http://www2.selangor.gov.my/kualalangat.php/pages/view/19?mid=42>

Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat. (2022b). Portal Rasmi Pejabat Daerah / Tanah Kuala LangatPeta - Peta Daerah Kuala Langat.  
<http://www.selangor.gov.my/kualalangat.php/pages/view/186>

Pomizi Resources. (2017). Kajian Tindakan: Persampelan. <http://pomizi-research.blogspot.com/p/persampelan.html%0Ahttp://pomizi-research.blogspot.my/p/persampelan.html>

Portal Rasmi PDT Kuala Langat Agro-Tourism. (n.d.).  
<https://www.selangor.gov.my/kualalangat.php/pages/view/148?mid=237>

Rahman, F. (2018). Panorama indah di Bukit Jugra.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/Panorama indah di Bukit Jugra.html%0D](file:///C:/Users/User/Downloads/Panorama%20indah%20di%20Bukit%20Jugra.html)

RamaRama. (n.d.). 10 Tempat Pelancongan Yang “Viral” dan Baru di Negeri Selangor 2022! \_ RAMARAMA. <https://ramarama.my/10-tempat-pelancongan-yang-viral-dan-baru-di-negeri-selangor-2022/>

Ramli, Z., Mokhtar, M., Razman, M. R., & Zakaria, S. Z. S. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8 Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran 2015, October 2016, 19–21.



- Ramli, Z., Samsudin, M., Hadrawi, M., & Duli, A. (2015). Konseptualisasi pelancongan semiotik dalam pembangunan pelancongan warisan: kajian kes di Jugra, Selangor. file:///C:/Users/User/Downloads/18.KONSEPTUALISAS SEMIOTIK PELANCONGAN.pdf - See discussions, stats, and author profiles for this publication at \_\_ Course Hero.html%0D
- Roslan, Z., Ramli, Z., & Choy, E. A. (2016). Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor: Satu Analisis Swot. *Revitalisasi Nilai-Nilai Arkeologi, Sejarah, Bahasa, Budaya, Dan Alam Melayu Melalui Riset Multidisipliner*, July, 554–562.
- Saleh, Y., Yusri Che Ngah, M. S., Nayan, N., & Hashim, M. (2011). Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar : Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping. *Jurnal Perspektif*, 3(1), 95–104.
- Saljuieyana. (2019). Mengejar Cita Seindah Memori\_ JUGRA, Banting. <http://saljuieyana.blogspot.com/2018/10/jugra-banting-ada-apa-je.html>
- Samsudin, M. dan S. M. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi. ( Iman ) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd International Journal of the Malay World and Civilisation ( Iman Iman ) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd Samsudin & Sulong Iman ) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd Samsudin & Sulong, 1(1), 99–109.
- Santai Travel Channel. (2022). Selangor Tumpuan Destinasi Pelancongan Kesihatan - . file:///C:/Users/User/Downloads/Selangor Tumpuan Destinasi Pelancongan Kesihatan -.html
- Schlitz, M. syh. (2020). Apa itu pelancongan ? Apakah maksud “pelancongan” ? – The Passion Fox. <https://thepassionfox.com/apa-itu-pelancongan-apakah-maksud-pelancongan/>
- Sharif, A. (2012). Sejarah Kuala Langat \_ Azman Sharif.
- Sharif, Y. B. T. S. B. M. (2014). SUKAN PARAGLIDING DI BUKIT JUGRA \_ Dewan Negeri Selangor. <http://dewan.selangor.gov.my/question/sukan-paragliding-di-bukit-jugra/>

- Shukor, M. S., Mohd Salleh, N. H., & Mohd Idris, S. H. (2017). Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Komuniti Pulau: Kajian Di Pulau Tioman, Malaysia. *Sains Humanika*, 9(4). <https://doi.org/10.11113/sh.v9n4.1105>
- Sokri, J. (2020). bukan-sekadar-taman-biasa. <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/03/663101/bukan-sekadar-taman-biasa>
- Soo, P. Y. (2011). Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi Berbantuan Komputer dalam Kalangan Mahasiswa. *Universiti Malaya*, 34–49. <http://studentsrepo.um.edu.my/3391/6/Bab3.pdf>
- Sumarni Lapammu, & Zamri Mahamod. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya vle frog dalam pembelajaran bahasa melayu. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 8(1), 2180–4842.
- Suraya Sukri. (2017). Community Engagement: A case study on the four ethnic groups in Melaka, World Heritage City, Malaysia. December. <http://etheses.whiterose.ac.uk/24353/>
- Syafiqah, N., & Mohd, B. (2017). Analisis Pembangunan Pelancongan Mapan Di Lundu , Sarawak.
- Trixoli. (n.d.). 6 Tempat Menarik di Banting (2023).
- Trixoli. (2022). 8 Tempat Menarik di Banting (2022). [file:///C:/Users/User/Downloads/8 Tempat Menarik di Banting \(2022\). Ketahuilah Sekarang!.html](file:///C:/Users/User/Downloads/8%20Tempat%20Menarik%20di%20Banting%20(2022).%20Ketahuilah%20Sekarang!.html)
- Wikipedia. (2013). Kasiterit - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. [file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas.html%0D](file:///C:/Users/User/Downloads/Jugra%20-%20Wikipedia%20Bahasa%20Melayu,%20ensiklopedia%20bebas.html%0D)
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2013). Perlindungan harta warisan : Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara National development and the protection of heritage property : An appraisal of the Malaysian experience. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64–77.

Zainab binti Roslan, Z. R. & E. A. C. (2022). Potensi pembangunan pelancong  
berasaskan warisan di Bandar lama Diraja Jugra, Sselangor: satu analisis SWOT.  
<http://docplayer.info/96365307-Bab-ii-landasan-teori.html>

Zainudin, N. (2022). Bandar lama Diraja Jugra, Selangor, sebagai pusat pelancongan:  
perspektif pihak berkepentingan.  
[http://umkeprints.umk.edu.my/12583/1/NORALIZA BINTI ZAINUDIN  
C18B0498.pdf](http://umkeprints.umk.edu.my/12583/1/NORALIZA%20BINTI%20ZAINUDIN%20C18B0498.pdf)

Zuliskandar Ramli. (2017). Heritage Tourism in Malaysia: Potential and Challenges.  
In *The Social Science* (Vol. 12, Issue 3, pp. 431–440).



UMK 402.630-4/04 L1/D 3 (4/22)  
KUALA KAMU (Our Ref): 19/ SEP/ EMB-3 2022  
TARIKH (Date):

Bukit Jugra, Selangor  
Jalan Bukit Jugra,  
Jugra Lama  
42700 Banang  
Selangor

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. D maklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah d organ sasi tuan. Tujuan menjalankan 'kajian/ penyelidikan/ temuramah' ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No. Matrik	No. K/P	Program
1	Nur Aisyah Azma Binti Azelan	C1940480	990201106032	Ijazan Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kejuruan

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

APPENDIX 2



Gambar 1: Faktor tarikan pengunjung ke Bukit Jugra  
Sumber: Kajian Lapangan 2022



Gambar 2: Bangunan Bersejarah di Bukit Jugra  
Sumber: Kajian Lapangan 2022



Gambar 3: Lalan mendaki melalui hutan

Sumber: Kajian Lapangan 2022

APPENDIX 3

Soalan	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4
Nama	Asmah Shoib	Nur Aniessa Azman	Nur Hani Mohd Rudin	Nur Hana Mohd Rudin
Umur	52 Tahun	21 Tahun	23 Tahun	24 Tahun
Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Lokasi tempat tinggal	30 km dari Bukit Jugra	20 km dari Bukit Jugra	20 km dari Bukit Jugra	40 km dari Bukit Jugra
Kenderaan yang digunakan	Kereta	Kereta	Kereta	Kereta
Status sosial	Berkahwin	Bujang	Bujang	Bujang
Pekerjaan	Suri rumah	Branch operations executives	Guru pendidikan awal kanak-kanak	Guru taska
Tarikh Temu bual	7 Disember 2022	7 Disember 2022	10 Disember 2022	10 Disember 2022
Lokasi	Bukit Jugra	Bukit Jugra	Bukit Jugra	Bukit Jugra

Jadual 1: Latar Belakang Informan Kajian

**SOALAN TEMU BUAL**

Objektif kajian:

i. Mengetahui aspek keterikatan tempat dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

ii. Mengkaji kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

iii. Menganalisis cabaran terhadap keterikatan tempat yang ada di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

No	Objektif	Tema	Soalan berdasarkan tema
1		Latarbelakang informan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama informan</li> <li>- Umur</li> <li>- Status sosial/peranan</li> <li>- Latar belakang ekonomi</li> <li>- Tarikh/Hari temubual</li> <li>- Masa temubual</li> <li>- Lokasi</li> </ul> <p>(Soalan temuduga, nota lapangan, koleksi foto, rakaman audio/video penuh akan disediakan)</p>
2	Mengetahui aspek keterikatan tempat dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.	Aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor	- Adakah encik/cik mengetahui mengenai apa yang dimaksudkan dengan aspek keterikatan tempat di Bukit Jugra?

			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Apakah maksud keterikatan tempat di Bukit Jugra dari aspek sejarahnya?</li> <li>- Apakah maksud keterikatan tempat di Bukit Jugra dari aspek aktiviti?</li> <li>- Apakah maksud keterikatan tempat di Bukit Jugra dari aspek fizikal yang ada di Bukit Jugra, Selangor?</li> <li>- Bolehkah encik/cik jelaskan mengenai apakah aspek keterikatan tempat yang ada di Bukit Jugra?</li> </ul>
3	Mengkaji kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.	Kesan keterikatan tempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Adakah anda bersetuju bahawa pengaruh keterikatan tempat akan memberikan kesan kepada penglibatan komuniti yang ada di Bukit Jugra?</li> <li>- Apakah yang encik/cik fahami dengan pengaruh keterikatan tempat dari aspek</li> </ul>



			<p>fizikal terhadap penglibatan komuniti?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apakah yang encik/cik fahami dengan pengaruh keterikatan tempat dari aspek aktiviti terhadap penglibatan komuniti?</li> <li>- Apakah yang encik/cik fahami dengan pengaruh keterikatan tempat dari aspek identiti terhadap penglibatan komuniti?</li> </ul>
	<p>Menganalisis cabaran terhadap keterikatan tempat yang ada di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.</p>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Adakah cabaran dari segi ekonomi, sosio budaya dan pengurusan akan mempengaruhi terhadap keterikatan tempat di Bukit Jugra, Selangor?</li> <li>- Apa pendapat encik/cik, apakah yang dimaksudkan dengan cabaran dari aspek ekonomi kepada keterikatan tempat di Bukit Jugra?</li> <li>- Pada pandangan encik/cik, apakah</li> </ul>

			<p>yang dimaksudkan dengan cabaran dari aspek sosio budaya kepada keterikatan tempat di Bukit Jugra?</p> <p>- Apakah yang encik/cik fahami dengan apa dimaksudkan dengan cabaran dari aspek pengurusan yang ada kepada keterikatan tempat di Bukit Jugra?</p>
--	--	--	---

## APPENDIX 4

### 1. Aspek keterikatan tempat dari aspek sejarah, aktiviti dan juga fizikal di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

#### a. Kegiatan yang dilakukan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor.

<b>Informan 1</b>	Biasanya saya datang ke Bukit Jugra adalah untuk beriadah. Selain itu, perkara yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra adalah untuk beriadah dan juga berjoging untuk mengeluarkan peluh dan dapat menjaga kesihatan. Selalunya yang saya lakukan di Bukit Jugra adalah berjoging dan selepas itu ketika berada di atas mengambil gambar pemandangan yang cantik di atas Bukit Jugra. Saya juga tidak terlalu kerap datang dan saya hanya datang jika ada masa lapang. Selalunya yang saya lakukan di Bukit Jugra adalah berjoging dan selepas itu ketika berada di atas mengambil gambar pemandangan yang cantik di atas Bukit Jugra.
<b>Informan 2</b>	Saya sering datang ke Bukit Jugra adalah untuk mendaki Bukit Jugra. Selain itu, saya datang ke Bukit Jugra adalah untuk mendaki dan juga melihat pemandangan. Aktiviti yang biasa saya lakukan ketika di Bukit Jugra adalah berjoging dan mendaki. Saya juga datang ke Bukit Jugra kadang-kadang sahaja jika saya tidak berkerja dan mempunyai masa lapang. Selalunya jika saya datang ke Bukit Jugra saya juga berjalan sahaja sambil melihat pemandangan yang ada.
<b>Informan 3</b>	Kebiasaanya saya datang ke Bukit Jugra adalah untuk melakukan aktiviti berjoging ataupun beriadah di Bukit Jugra. Selain itu, biasanya aktiviti yang saya buat adalah berjoging dan

	<p>juga mengambil gambar di Bukit Jugra. Biasanya saya akan pergi ke Bukit Jugra sebulan sekali dan biasanya aktiviti yang saya buat adalah berjoging dan juga mengambil gambar di Bukit Jugra.</p>
<p><b>Informan 4</b></p>	<p>Saya datang ke Bukit Jugra biasanya untuk melakukan aktiviti beriadah seperti berjoging kerana saya suka berjoging. Selain dari melakukan aktiviti berjoging saya juga makan-makan di atas Bukit Jugra itu. Selain itu, saya selalu datang ke Bukit Jugra adalah sebab pemandangan sangat cantik dan boleh ambil gambar di board yang bertulisan <i>Jugra</i> dan juga boleh mengambil gambar di rumah api kerana ianya sangat cantik. Saya sering mengambil gambar pemandangan di Bukit Jugra dan juga suka berkelah di situ. Saya juga datang ke Bukit Jugra biasanya dalam dua kali sebulan. Perkara yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra adalah sebab pemandangan sangat cantik dan boleh ambil gambar di board yang bertulisan <i>Jugra</i> dan juga boleh mengambil gambar di rumah api kerana ianya sangat cantik. Saya sering mengambil gambar pemandangan di Bukit Jugra dan juga suka berkelah di situ.</p>

**b. Tarikan untuk datang ke Bukit Jugra, Selangor.**

<p><b>Informan 1</b></p>	<p>Tarikan menarik yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra ini salah satu nya adalah kerana sejarahnya, dan juga bagi orang yang meminati hal yang berkaitan sejarah terdapat juga kawasan-kawasan bersejarah yang ada di</p>
--------------------------	--

	<p>kawasan Bukit Jugra ini contohnya bekas pejabat daerah lama, ada juga Muzium Insitu Jugra dan juga terdapat pelbagai lagi yang lain yang menarik.</p>
<b>Informan 2</b>	<p>Pekara yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra ini adalah kerana aktiviti dia yang boleh dilakukan seperti boleh mendaki Bukit Jugra, melihat pemandangan yang cantik, berkelah dan juga boleh menaiki paragliding.</p>
<b>Informan 3</b>	<p>Tarikan Bukit Jugra yang membuatkan saya ingin datang adalah terdapat pemandangan yang menarik untuk saya lawati, kemudahan disitu ada juga seperti tandas yang perlu dibaiki, jalan untuk berjoging bagus kerana jalan bertar. Saya tahu di Bukit Jugra mempunyai paragliding untuk menarik pelancong jadi saya ingin cuba untuk menaiki paragliding tersebut serta sejarah-sejarah yang ada di Bukit Jugra untuk menarik saya datang ke Bukit Jugra.</p>
<b>Informan 4</b>	<p>Perkara yang membuatkan saya ingin datang ke Bukit Jugra adalah aktiviti dan juga tempat itu sendiri sebab saya boleh berjoging di Bukit Jugra sambil melihat pemandangan yang cantik, selain itu juga saya datang ke Bukit Jugra kerana sejarahnya, saya mengetahui sejarah di Bukit Jugra adalah terdapat istana lama dan juga terdapat Muzium Insitu Jugra jadinya kita boleh melawatinya.</p>

## 2. Kesan keterikatan tempat terhadap penglibatan komuniti di pusat pelancongan Bukit Jugra, Selangor.

### a. Aktiviti yang dilakukan di Bukit Jugra, Selangor.

<b>Informan 1</b>	Saya biasanya ketika datang ke Bukit Jugra, saya sering berjoging, dan ketika sudah berada di atas saya akan mengambil gambar di sekitar Bukit Jugra sambil melihat orang yang menaiki paragliding. Selain itu, saya juga melihat rumah api dan juga terdapat pangkalan TUDM.
<b>Informan 2</b>	Aktiviti yang sering saya lakukan ketika di Bukit Jugra adalah mendaki Bukit Jugra, selain itu juga, aktiviti lain yang saya lakukan adalah mengambil gambar-gambar pemandangan, rumah api dan juga board bertulisan <i>Jugra</i> .
<b>Informan 3</b>	Perkara yang saya sering lakukan jika datang ke Bukit Jugra adalah berjoging ataupun juga beridah sambil melihat pemandangan.
<b>Informan 4</b>	Aktiviti yang biasanya saya lakukan ketika di Bukit Jugra ini adalah berjoging.

### b. Perasaan ketika berada di Bukit Jugra, Selangor.

<b>Informan 1</b>	Perasaan saya ketika di Bukit Jugra berasa teruja lah juga kerana melihat pemandangan yang cantik dan dapat melihat kawasan sekitar Kuala Langat dari atas Bukit Jugra. Saya berasa ingin datang ke Bukit Jugra selalu kerana selalunya di Bukit Jugra ini ramai juga orang yang datang untuk beridah untuk mengisi masa lapang. Terkadang yang membuatkan saya tidak ingin datang ke sana adalah kerana banyak anjing yang berkeliaran di sekitar kawasan
-------------------	--

	<p>parking kereta dan juga parking kereta yang disediakan tidak mencukupi.</p>
<b>Informan 2</b>	<p>Perasaan saya ketika berada di Bukit Jugra, saya berasa gembira lah juga kerana dapat melihat pemandangan yang cantik dan juga dapat mengeluarkan sedikit peluh untuk mengekalkan tubuh yang sihat. Terkadang perkara yang membuatkan saya tidak ingin datang ke Bukit Jugra kerana di bukit ini terkadang terlalu ramai orang dan saya tidak begitu suka kerana saya tidak terlalu suka jika terlalu banyak orang.</p>
<b>Informan 3</b>	<p>Perasaan saya semasa berada di Bukit Jugra adalah saya berasa sangat seronok dan gembira sebab pemandangan dia yang cantik serta aktiviti yang ada di Bukit Jugra. Terkadang terdapat juga perkara yang membuatkan saya tidak ingin datang kerap ke Bukit Jugra ini adalah kerana banyak haiwan liar seperti monyet dan juga anjing.</p>
<b>Informan 4</b>	<p>Saya berasa sangat gembira kerana saya boleh mengambil banyak gambar pemandangan yang cantik di Bukit Jugra dan apabila berjoging itu saya berasa sejuk sebab adanya pokok-pokok yang melindungi semasa berjoging. Terdapat juga perkara lain yang membuatkan saya untuk tidak selalu datang adalah kerana tandas, sebab tiada tandas di atas Bukit Jugra dan juga tandas yang berada di bawah kotor serta terdapat banyak haiwan liar seperti anjing dan monyet kerana saya tidak suka dengan anjing dan monyet juga suka meminta makanan.</p>

APPENDIX 5

**FAKTOR KETERIKATAN TEMPAT DALAM MEMPENGARUHI  
PENGLIBATAN KOMUNITI DI PUSAT PELANCONGAN BUKIT JUGRA,  
SELANGOR.**

BAHAGIAN A: SOSIO DEMOGRAFI

1. NEGERI

KELANTAN	<input type="checkbox"/>
KEDAH	<input type="checkbox"/>
TERENGGANU	<input type="checkbox"/>
PAHANG	<input type="checkbox"/>
PERLIS	<input type="checkbox"/>
PULAU PINANG	<input type="checkbox"/>
PERAK	<input type="checkbox"/>
NEGERI SEMBILAN	<input type="checkbox"/>
WILAYAH PERSEKUTUAN	<input type="checkbox"/>
SELANGOR	<input type="checkbox"/>
MELAKA	<input type="checkbox"/>
JOHOR	<input type="checkbox"/>
SABAH	<input type="checkbox"/>
SARAWAK	<input type="checkbox"/>
LAIN-LAIN	<input type="checkbox"/>

2. JANTINA

LELAKI	<input type="checkbox"/>
PEREMPUAN	<input type="checkbox"/>



3.BANGSA

MELAYU	<input type="checkbox"/>
CINA	<input type="checkbox"/>
INDIA	<input type="checkbox"/>
LAIN-LAIN	<input type="checkbox"/>

4.UMUR

13-18 TAHUN	<input type="checkbox"/>
19-24 TAHUN	<input type="checkbox"/>
25-35 TAHUN	<input type="checkbox"/>
36-49 TAHUN	<input type="checkbox"/>
50 DAN KE ATAS	<input type="checkbox"/>

5.STATUS

BUJANG	<input type="checkbox"/>
BERKAHWIN	<input type="checkbox"/>

6.TAHAP PENDIDIKAN

SEKOLAH RENDAH	<input type="checkbox"/>
SEKOLAH MENENGAH	<input type="checkbox"/>
DEGREE	<input type="checkbox"/>
MASTER	<input type="checkbox"/>
PHD	<input type="checkbox"/>
TIADA PENDIDIKAN	<input type="checkbox"/>

## 7. PEKERJAAN

BEKERJA SENDIRI

TIDAK BEREKERJA

KERAJAAN

SWASTA

BAHAGIAN B: KESAN KETERIKATAN TEMPAT TERHADAP PENGLIBATAN  
KOMUNITI DI PUSAT PELANCONGAN BUKIT JUGRA, SELANGOR.

## (I) FIZIKAL

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Di Bukit Jugra mempunyai mercu tanda nya yang tersendiri untuk menarik pengunjung datang ke sana iaitu Bukit Jugra Lighthouse atau juga dikenali sebagai Rumah Api.					
2.	Di Bukit Jugra juga terdapat pemandangan yang indah boleh dilihat dari atas bukit.					

3.	Di persekitaran Bukit Jugra ini terdapat sebuah muzium lama iaitu Muzium Insitu Jugra.					
4.	Di atas Bukit Jugra juga terdapat sebuah tempat latihan untuk tentera pasukan khas TUDM.					
5.	Di Bukit Jugra ini juga terdapat sebuah bekas tinggalan sejarah iaitu bekas pejabat lama.					

## (II) AKTIVITI

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Di Bukit Jugra juga terdapat aktiviti yang mencabar boleh dilakukan iaitu menaiki paragliding untuk menikmati pemandangan yang cantik di sekitar Bukit Jugra dari udara.					

2.	Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di Bukit Jugra adalah aktiviti berbasikal.					
3.	Di Bukit Jugra banyak aktiviti pelancongan yang mencabar boleh dilakukan seperti mendaki Bukit Jugra sama ada melalui laluan hutan atau laluan tar yang telah disediakan.					
4.	Aktiviti berkelah juga ada dilakukan di kawasan di atas bukit sambil menikmati pemandangan.					
5.	Di Bukit Jugra juga boleh dilakukan aktiviti drift trike bagi yang suka melakukan aktiviti yang mencabar.					

(III) IDENTITI

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Di Bukit Jugra ini banyak memberikan kenangan untuk saya dan rakan-rakan ketika di zaman kanak-kanak.					
2.	Di Bukit Jugra merupakan salah satu tempat saya bermain ketika di zaman kanak-kanak.					
3.	Warisan merupakan simbol identiti bagi sebuah komuniti setempat.					
4.	Eleman warisan yang ada di sekitar Bukit Jugra juga merupakan tarikan kepada kegiatan pelancongan.					
5.	Segala tinggalan warisan terdahulu					

	yang ada di Bukit Jugra mempunyai nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun.					
6.	Bukit Jugra ini banyak memberikan makna yang tersendiri kepada diri saya kerana ia merupakan tempat dimana saya dibesarkan dan juga mempunyai kenangan yang pahit dan juga manis.					

**BAHAGIAN C: CABARAN TERHADAP KETERIKATAN TEMPAT DI PUSAT PELANCONGAN BUKIT JUGRA, SELANGOR.**

**(I) EKONOMI**

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Di sekitar kawasan Bukit Jugra dapat membantu memberikan sumber					

	pendapatan kepada penduduk tempatan melalui melakukan perniagaan kiosk di kaki Bukit Jugra.					
2.	Dengan adanya sistem pengurusan dari Majlis Perbandaran Kuala Langat memberikan kesan kepada peniaga kiosk yang menjual sekitar kaki Bukit Jugra.					
3.	Sumber pendapatan bagi penduduk di sekitar Bukit Jugra terjejas akibat sistem pengurusan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat.					
4.	Penduduk tempatan dapat menambah pendapatan					

	mereka disebabkan pelancong yang datang memerlukan pemandu pelancong yang sudah mahir mengenai Bukit Jugra.					
--	---	--	--	--	--	--

## (II) SOSIO BUDAYA

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Berlaku kecurian tinggalan warisan yang ada di Bukit Jugra yang dilakukan oleh penduduk atau juga orang tidak bertanggungjawab.					
2.	Berlaku vandalisme yang dilakukan oleh penduduk atau pelancong yang datang ke Bukit Jugra iaitu dengan membuang					



	sampah merata-rata.					
3.	Berlaku kerosakan terhadap kemudahan fasiliti yang telah disediakan seperti tandas awam yang ada di kaki Bukit Jugra iaitu kemudahan di tandas yang dirosakkan atau juga dining tandas yang discontent oleh orang yang tidak bertanggungjawa b.					
4.	Kerosakan yang berlaku di laluan hutan atau juga laluan tar yang telah disediakan akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawa b.					
5.	Kebanyakan kemudahan awam seperti tempat duduk					

	<p>pengunjung dan tiang papan tanda telah diconteng dan cat dikikis terutamanya di kawasan Bukit Jugra.</p>					
6.	<p>Pengaruh penggunaan bahasa yang berlainan digunakan oleh penduduk setempat dengan pelancong yang datang ketika berkomunikasi.</p>					
7.	<p>Pagar di sekeliling bangunan Pejabat Lama Daerah Kuala Langat telah rosak mungkin disebabkan oleh binatang liar ataupun pengunjung yang tidak bertanggungjawab.</p> <p>b.</p>					


(III) PENGURUSAN

NO	PERKARA	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	SEDER HANA SETUJU	SETUJU	SANGAT SETUJU
1.	Tiada kemudahan khusus yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat di kaki Bukit Jugra seperti kemudahan surau dan tandas awam yang elok dan bersih.					
2.	Di Bukit Jugra juga tidak disediakan tempat khusus untuk meletakkan kenderaan.					
3.	Terdapat banyak monyet dan juga anjing yang berkeliaran terutama di sekitar kawasan kaki bukit yang mana tempat untuk meletakkan kenderaan yang agak mengganggu					

	ketenteraman pelancong yang datang.					
4.	Terdapat banyak juga monyet yang agresif sepanjang perjalanan menaiki Bukit Jugra yang akan mengganggu pengunjung yang datang dengan membawa makanan.					
5.	Kawasan persekitaran Bukit Jugra tidak diselenggara dengan baik, didapati banyak sampah berselerakan di merata tempat.					

## APPENDIX 6

### Teoretikal Framework



Rajah : Teori Keterikatan Tempat

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan 2022